

CREATE

Universiti Teknologi Pilihan Utama



Januari - April 2015

Lebih 2,500 sukarelawan IPT bantu operasi pascabanjir



ISSN 1823-7487



9 771823 748004



UMP Berani Berbeza
Memaknakan Autonomi



Jom Masuk IPT
buka tirai Karnival
Pendidikan di Pahang

Kandungan



4 UMP Berani Berbeza Memaknakan Autonomi



7 UMP terokai peluang kerjasama dengan University of Houston Amerika Syarikat untuk program Teknologi Kejuruteraan



6 UMP, MUIP bantu mangsa banjir dalam Gotong-Royong Mahkota Amal

- | | | |
|---|--|--|
| 8 Penyelidik UMP cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan ilmiah | 30 Alumni UMP turun padang bantu mangsa banjir Temerloh | 47 Mahasiswa bimbing pemimpin pelajar |
| 10 'Jom Masuk IPT' buka tirai Karnival Pendidikan di Pahang | 31 Sukarelawan UMP dan IKWAM serah sumbangan kepada mangsa banjir | 48 50 fasilitator curah bakti di Kuala Berang |
| 12 Hari Terbuka UMP sebar maklumat pengajian tinggi terhadap masyarakat | 32 UMP bantu komuniti Lipis dalam program operasi pasca banjir | 49 Warga kampus semarakkan Festival Bayu Kenyalang 3.0 |
| 14 Lebih 2,500 sukarelawan IPT bantu operasi pascabanjir | 33 UMP hulur sumbangan bantu mangsa banjir dalam kalangan pengamal media | 50 Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga ukir nama |
| 16 UMP raih anugerah dan 9 pingat dalam MTE | 34 UMP agih sumbangan mangsa banjir Perkampungan Bukit Rangin | 51 Mahasiswa UMP jayakan Kem Interaksi Pemimpin Muda |
| 17 Inovasi UMP hasilkan kit anti-histeria | 35 PPTI serah sumbangan pasca banjir sempena Kempen 1 Maknum, 1 Sejadah | 52 UMP anjur Karnival Bola Keranjang Tiga Lawan Tiga IPT |
| 18 UMP, POLISAS meterai perjanjian persefahaman NoU | 36 UMP, RTM Pahang bertemu komuniti Sungai Koyan dalam program Kembara | 53 UMP pilih peserta bagi Pendakian Merdeka Kinabalu UMP 2015 |
| 19 UMP jalin kerjasama dengan NIU tawar program dwi-ijazah | 37 Pusat Sukan UMP anjur Sukan Pantai dan Tasik | 54 UMP iktiraf sumbangan atlet cemerlang |
| 20 Program PPRN manfaatkan industri dan usahawan | 38 Khidmat masyarakat PTMK bantu pembelajaran Kelas KAFA | 55 45 pendaki pengamal media Pahang dan warga UMP tawan puncak Gunung Rajah |
| 21 UMPH anjur majlis apresiasi hargai perunding universiti | 39 Warga UMP sambut Maulidur Rasul | 56 Perpustakaan UMP anjur NCOAL |
| 22 UMP pamer seni pertahanan diri di pentas dunia | 40 60 peserta kayuhan berbasikal berkunjung ke UMP Kampus Pekan | 57 UMP, ECERDC rai pelajar cemerlang dan peserta tamat latihan kemahiran dan keusahawanan program empower ECER Mahkota |
| 23 40 mahasiswa pelajari budaya Nusantara | 41 UMP anjur Dialog Perundungan Amalan Sihir | 58 Jom Baca 10 Minit dapat sambutan warga UMP |
| 24 Mahasiswa UMP terpilih dalam Mobiliti Antarabangsa Mahasiswa Malaysia-Mexico | 42 MLCC anjur Pertandingan Bertutur Bahasa Mandarin | 59 Prof. Dr. Mashitah dilantik Penolong Pesuruhjaya Kehormat JPAM |
| 25 4 pelajar FKKSA timba ilmu ke Turki | 43 Kelab In-Smartive UMP bimbing calon UPSR SK Wira | 60 Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) |
| 26 Mahasiswa UMP curah bakti bersama masyarakat Laos dan Thailand | 44 Baraqah Beggers raih kemenangan | 61 Pelantikan Baharu/Penyambungan Jawatan Giliran |
| 27 Program PIE tingkat penguasaan mahasiswa antarabangsa berbahasa Inggeris | 45 FTek anjur bengkel penyelenggaraan enjin bot bantu nelayan | 62 Terbitan Terkini |
| 28 Klik-Klik Lensa | 46 600 sertai Larian Amal Penyayang 2.0 | 64 Artikel/Rencana Pilihan |
| | | 66 Jejak Alumni |

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
abrahman@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Baharuddin
safriiza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitiaishah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Hazlina Faizal
haz@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PEREK GRAFIK
Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my



JURUFOTO

Khairul Aidilnishah Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

PENCEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan tehadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-549 3184
Faks: 09-549 3199
e-Mel: safriiza@ump.edu.my



Dari Meja Ketua Editor

Abd Rahman Haji Safie

UMP Berani Berbeza, Memaknakan Autonomi

Memasuki tahun 2015, UMP sudah menjangkau 13 tahun usianya. Pada usia ini, UMP seharusnya sudah berada di landasan yang betul dan terarah dalam mencapai visi dan misi. Tahun 2015 merupakan tahun kritis yang menjadi kayu pengukur kepada kejayaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan bersedia dalam mendepani Pelan Strategik baharu 2016-2020.

Amanat Naib Canselor 2015 memberi isyarat yang jelas buat semua warga UMP supaya berani dalam melakukan perbezaan dan kesiapsiagaan dalam memperoleh autonomi sepenuhnya demi memacu UMP ke arah yang lebih maju dan gemilang. Laungan semangat dalam amanat tersebut sememangnya satu laungan keramat buat warga UMP untuk terus bergerak seiringan ke arah menjadikan UMP sebagai sebuah universiti teknologi pilihan utama.

Naib Canselor turut berkongsi cabaran dan halangan yang dihadapi sepanjang tahun 2014 dalam memberi kesedaran kepada kita untuk menongkah arus dalam membuat persediaan menghadapi cabaran pada masa akan datang. Di sebalik musibah yang melanda, tersembunyi hikmah yang tersendiri apabila Naib Canselor amat kagum akan komitmen warga UMP tatkala menghadapi musibah banjir yang melanda. Lebih1,200 orang sukarelawan yang terdiri daripada warga kerja dan mahasiswa UMP yang sanggup mengorbankan masa, tenaga dan keselesaan bagi membantu misi dan operasi bantuan banjir bukan sahaja di negeri Pahang malahan di luar Pahang sekali pun.

UMP juga tidak pernah sesekali melupakan agenda kecemerlangan untuk diraikan saban tahun yang turut menjadi kayu pengukur kepada prestasi UMP. Dengan meraih kemenangan dan pengiktirafan 31 pingat emas, 14 pingat perak dan 12 pingat gangsa serta 13 anugerah khas sepanjang tahun 2014, para penyelidik UMP telah diraikan dalam satu majlis khas iaitu Anugerah Cendekia Bitar yang turut dihadiri oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Diraja Dr. Haji Adnan Haji Yaacob yang diadakan di Hyatt Hotel Regency Resort Kuantan. Beliau turut merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan UMP dan berharap agar kejayaan ini dapat memberi inspirasi kepada warga UMP untuk terus bekarya dengan daya intelektualisme, inovasi dan berkreasi.

Alhamdulillah dan bersyukur kita kepada ALLAH SWT kerana dengan izin-Nya jua maka Buletin *Create* telah menjadi satu penerbitan utama kepada UMP. Buletin *Create* keluaran kali ini adalah keluaran terakhir saya sebagai Ketua Editor. Sebelum saya melabuhkan tirai, ucapan tahniah dan terima kasih atas kesungguhan sidang Editorial *Create* yang gigih membanting kudrat memberi komitmen untuk *Create*. Mohon kemaafan juga jika ada kekurangan dalam penerbitan ini.

Besarlah harapan saya agar komitmen ini terus diperjuangkan untuk menjadikan buletin ini kekal relevan sebagai wadah kebanggaan UMP. Tidak lupa juga buat seluruh warga UMP yang tidak pernah jemu mencurahkan khidmat bakti untuk menaikkan dan membanggakan UMP. Tanpa usaha semua pihak UMP pasti akan kekeringan kejayaan yang membanggakan seperti mana yang dicapai sehingga hari ini dan mana mungkin *Create* diterbitkan sekiranya tiada kejayaan yang dicatat oleh warga UMP.

Syabas UMP! Berani berbeza untuk terus maju ke hadapan.

Abd Rahman Haji Safie

UMP Berani Berbeza Memaknakan Autonomi



Pencapaian cemerlang Universiti Malaysia Pahang (UMP) sepanjang tahun 2014 menunjukkan universiti ini berada pada kedudukan kukuh untuk terus merealisasikan matlamat Pelan Strategik UMP 2011-2015 menjadikan UMP sebagai universiti teknologi pilihan utama.

UMP terus bersedia menyerap gelombang transformasi pendidikan tinggi yang lebih mencabar termasuklah agenda autonomi. Menerusi pelan ini serta rangkaian dasar dan amalan baik yang digubal mampu mentransformasikan universiti ini untuk membantu para juruaudit menilai tahap tadbir urus secara sistematis dan menilai kesediaan terhadap autonomi. Empat tadbir urus yang diberikan tumpuan adalah institusi, sumber manusia, kewangan dan akademik.

"Pemberian status autonomi kepada universiti merupakan antara pengupayaan utama transformasi pendidikan tinggi yang juga menunjukkan komitmen Kerajaan menjadikan universiti di negara ini lebih kompetitif."

"Sesuatu IPTA akan dapat membuktikan keupayaan memikul tanggungjawab dalam beberapa aspek tertentu dengan berintegriti dan berdaya maju wajar diberikan status autonomi. Malahan, operasi autonomi membolehkan universiti bergerak dengan berkesan ke arah kecemerlangan," katanya dalam ucapan semasa Majlis Amanat Naib Canselor yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada

25 Februari 2015 yang lalu.

Beliau mengharapkan skala markah melebihi 80 peratus bagi melayakkkan autonomi penuh daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membolehkan UMP menjana kegemilangan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020.

Menurut Dr. Daing, bagi menentukan kerangka pemikiran, sikap, pendekatan dan tindakan yang khusus untuk universiti ini muncul unik dan berbeza dalam kelasnya dengan semangat 'Berani Berbeza' yang berkait rapat dengan pembentukan dan pemerkasaan jenama.

Katanya, menjadikan pemain yang kompetitif dalam kelasnya, UMP hendaklah berani meneroka aspek penjenamaan dengan lebih mendalam untuk menarik bakat terbaik sebagai calon staf dan mahasiswa.

"Terdapat enam inisiatif yang akan diberikan tumpuan khusus sepanjang tahun 2015 dan seterusnya. Inisiatif yang pertama iaitu melonjakkan pengajaran dan pembelajaran e-Learning berdasarkan perubahan dunia digital terkini, inisiatif kedua pula melonjakkan keusahawanan dan membentuk budaya keusahawanan secara berpadu. Kumpulan KRA kini dalam usaha menubuhkan beberapa enterprise daripada hasil penyelidikan."

"Jelas sekali bahawa isu-isu berkaitan keusahawanan merupakan pengupayaan utama kepada kejayaan inisiatif tersebut. Inisiatif seterusnya pula dalam mempergiatkan

komersialisasi dan memupuk minda komersialisasi. Maka aktiviti penyelidikan, Projek Sarjana Muda (PSM) dan Projek Tahun akhir harus bermula dengan memikirkan potensi komersial."

"Tiga yang lain adalah peningkatan kesejahteraan, sikap dan gaya hidup cemerlang warga kampus, pengurusan prestasi dan memupuk kepimpinan di setiap peringkat," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, selain itu, dalam menjadikan UMP berbeza dan mencipta kelainan dengan lebih inovatif UMP menekankan beberapa prinsip sebagai amalan iaitu sentiasa mencari peluang dalam persekitaran *adversity* (*seek opportunity in adversity*), membuat lebih dengan serba kekurangan (*do more with less*) dan fikir dan bertindak secara fleksibel (*think and act flexibility*)

"Begitu juga dengan menjadikan segalanya mudah (*keep it simple*), libatkan lencongan terpinggir (*include the margin*) dan sentiasa mengikut gerak hati (*follow your heart*)," katanya.

Justeru beliau menyeru warga universiti untuk Berani Berbeza untuk terus berevolusi secara dinamik sebagai IPTA yang mendakap pendekatan yang mengatasi kelaziman.

Jelas beliau, dinamisme ini merupakan kunci untuk kreativiti dapat terus dikembangkan sebagai inovasi yang memberi impak kepada daya saing secara lestari di UMP.

Pemberian status autonomi kepada universiti merupakan antara pengupaya utama transformasi pendidikan tinggi yang juga menunjukkan komitmen Kerajaan menjadikan universiti di negara ini lebih kompetitif.



"Kita sendiri dapat lihat iklim semasa sektor pendidikan tinggi negara kini menuntut kesediaan warga UMP untuk menghadapi arus perubahan sesuai dengan perkembangan global untuk diserapkan mengikut acuan kita," katanya.

Lebih 5,000 warga UMP hadir mendengar Amanat Naib Canselor UMP 2015 yang juga dihadiri Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Azhar Wan Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.

Berani Berbeza untuk terus berevolusi secara dinamik sebagai IPTA yang mendakap pendekatan yang mengatasi kelaziman





UMP, MUIP bantu mangsa banjir dalam Gotong-Royong Mahkota Amal

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama beberapa agensi lain membantu membaiki 14 rumah mangsa banjir di PPRT Kampung Temai dalam program Gotong-Royong Mahkota Amal anjuran Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) di Pekan, Pahang pada 15 Februari 2015 yang lalu.

Kerja-kerja membaiki rumah ini dibiayai sepenuhnya pihak MUIP manakala aktiviti gotong-royong dijalankan sukarelawan melibatkan pegawai dan staf daripada Pejabat Daerah Pekan, Majlis Daerah Pekan, Pejabat ADUN Bebar, MUIP dan UMP sendiri.

Dalam program ini, Kebawah Duli yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ilni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat mengurniakan sumbangan kewangan kepada mangsa terlibat.

Turut hadir Timbalan Yang di-Pertua MUIP, Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Haji Wan Hassan, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pegawai Daerah Pekan, Dato' Mohd. Fadzli Mohd. Kenali.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, dalam usaha membantu rumah mangsa banjir sukarelawan UMP dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber

Alam (FKASA) membantu menyiapkan kerja-kerja pemasangan dinding dan membaiki kerosakan untuk dua rumah mangsa yang terlibat dalam bencana banjir.

"UMP juga membantu menyampaikan sumbangan berbentuk tilam, bantal dan selimut serta peralatan kebersihan dan keperluan harian bagi meringankan beban mangsa banjir. Ianya sebahagian daripada usaha UMP dalam mengumpul sumbangan daripada orang ramai untuk diagihkan kepada mangsa," katanya.

Sementara itu, penghuni rumah, Rahmah Omar, 61 yang mempunyai 11 orang anak melahirkan rasa terharu atas sumbangan yang diterima pihak MUIP dan sukarelawan UMP yang membantu membaiki rumah mereka.

Begitu juga dengan jiran beliau, Fatimah Jaafar, 60 yang berbangga dengan kesudian pelbagai pihak hadir menghulurkan bantuan dan sumbangan yang tidak putus-putus sejak bencana menimpah.

Hadir sama dalam Gotong-royong Mahkota Amal, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fadzil Mat Yahaya dan Penasihat Persatuan Wanita UMP (Matahari), Datin Fazia Ali yang turut turun padang menjayakan program.



UMP terokai peluang kerjasama dengan University of Houston Amerika Syarikat untuk program Teknologi Kejuruteraan

Oleh: EMMA MELATI BURHANUDDIN dan NURUL NADIA NORHAMRAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menjalankan kerjasama dengan University of Houston (UH) yang merupakan salah satu universiti terkemuka di Amerika Syarikat yang menawarkan program teknologi kejuruteraan.

UMP telah mengadakan pertemuan dengan pihak UH bagi membuka jalan ke arah kerjasama terbaru di dalam program-program seperti petroleum, elektrik dan sistem komputer pada 9 Februari 2015 yang lalu.

Delegasi diketuai Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut disertai Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, Ketua Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Datin Fazia Ali, Dekan Fakulti

Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid, Profesor dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Penolong Pendaftar Kanan FTeK, Emma Melati Burhanuddin.

"Pertemuan ini membincangkan program-program yang dapat memberi nilai tambah kepada para siswazah fakulti di samping mengenal pasti kerjasama dengan UH bagi mempertingkat nilai kebolehpasaran program-program baharu yang bakal ditawarkan di FTeK," katanya.

Tambah Dato' Dr. Daing, kunjungan ini dimanfaatkan apabila kedua-dua pihak telah pun sepakat untuk menjalankan kerjasama dan Memorandum Persefahaman (MoU) bakal ditandatangani tidak berapa lama lagi.

Antara yang hadir dalam sesi perbincangan adalah Dekan College of Technology, Profesor Dr. William Fitzgibbon, Pembantu Dekan (Hal Ehwal Akademik dan Operasi), Profesor Dr. Heidar A. Malki, Pembantu Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah), Profesor Dr. Rupa Iyer dan Ketua Jabatan Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dr. Wajija Shireen.

Turut sama hadir dalam perbincangan berkaitan kerjasama ini adalah Ketua Jabatan Pengurusan Pembinaan, Profesor Dr. Neil Eldin, Ketua Jabatan Teknologi Informasi dan Logistik, Profesor Dr. Raymond Cline, Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Sains Pengguna, Profesor Dr. Marcella Norwood, dan Naib Provost Global Strategies and Studies, Dr. Jaime Ortiz.



Penyelidik UMP cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan ilmiah

Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan ilmiah yang dapat dimanfaatkan serta dikongsi bersama masyarakat di negara ini.

Ini adalah sejarah dengan hasrat UMP yang akan terus memberi tumpuan besar dalam memperkasa pencapaian universiti dalam penyelidikan, kreativiti dan inovasi.

Dengan kejayaan meraih 31 pingat emas, 14 pingat perak dan 12 pingat gangsa serta 13 anugerah khas, dapat memberi keyakinan kepada agensi kerajaan, swasta dan industri untuk terus berkolaborasi, khususnya dalam lapangan penyelidikan, inovasi, penerbitan berimpak tinggi, dan pembiayaan dana.

Menteri Besar Pahang, YAB Datuk Sri Diraja Adnan Haji Yaakob berkata, UMP kini berada pada landasan yang kukuh dan sebagai salah satu universiti awam di Malaysia, UMP bertanggungjawab memastikan hasil penyelidikan ini dapat dimanfaatkan bersama masyarakat.

Beliau yang hadir merasmikan Majlis Anugerah Cendekia Bitara di Hyatt Hotel Rengency Resort Kuantan pada 27 April 2015 yang lalu mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah dan semoga kejayaan ini dapat menginspirasikan warga universiti untuk terus berkarya dengan daya intelektualisme, inovasi dan berkreativiti.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sepanjang tahun lalu, universiti telah

menerima geran penyelidikan bagi 267 projek penyelidikan.

"Pencapaian yang ketara turut dicatatkan dalam perolehan geran antarabangsa pada tahun lalu yang mencatatkan peningkatan sebanyak 54.9 peratus berbanding perolehan bagi tahun 2013.

"Dalam konteks penerbitan ilmiah mencatatkan sejumlah 736 penerbitan ilmiah dihasilkan berbanding 340 penerbitan ilmiah pada tahun 2013. Perkembangan penerbitan yang sangat dinamik ini merangkumi penulisan karya asli, buku penyelidikan, artikel jurnal, kertas persidangan, bab di dalam buku *Chapter of Book* dan rencana ilmiah yang dihasilkan oleh para staf akademik UMP," katanya.

Tambah Dr. Daing Nasir, pencapaian menjadi lebih bermakna dengan kejayaan *International Journal of Automotive and Mechanical Engineering* (IJAME) indeks oleh pangkalan data terkenal dunia iaitu SCOPUS dan *Elsevier Bibliographic Database* (EBD) dalam tempoh yang singkat, sekali gus membuktikan kemampuan UMP dalam menghasilkan kualiti penerbitan bertaraf dunia.

Mengikut laporan *Source Normalized Impact Per paper* (SNIP), *Impact Per publication* (IPP) dan *Scimago Jurnal Ranking* (SJR) yang dikeluarkan pada Julai 2014, IJAME juga telah menduduki tangga teratas daripada 78 buah jurnal indeks oleh SCOPUS di negara ini dalam bidang Sains.

UMP juga memperlihatkan keupayaan menarik pembiayaan geran industri yang antaranya melibatkan kerjasama antara universiti ini dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam melaksanakan projek inkubator pengeluaran gelatin halal.

Projek yang bakal bermula pada pertengahan tahun ini bukan sahaja mensasarkan penghasilan sejumlah 240 hingga 300 tan gelatin halal setahun, malahan turut memfokuskan kepada pembangunan usahawan dalam perniagaan yang berkaitan.

Dari sudut pengkomersialan pula, produk Asarfonts yang dihasilkan oleh pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) iaitu Asar Abdul Karim kini menerima pembiayaan *Commercialization Seedfund* UMP.

Produk ini telah menerima permintaan tambahan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang membolehkan produk ini digunakan di *Chromebook* dan *Android* sebagai rujukan utama guru dan pelajar sekolah yang ditadbir KPM.

Sehingga kini, UMP mempunyai tiga syarikat *spin off* yang telah ditubuhkan oleh UMP, dengan kerjasama UMP Holdings iaitu UMP Ecopes Sdn. Bhd., UMP Green Technology Sdn. Bhd. dan UMP Innovest Sdn. Bhd.

Selain itu, rundingan strategik UMP dengan Johor Corporation dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) bakal membuatkan hasil bagi membolehkan syarikat kerjasama (*joint venture*) tersebut dibentuk.

Dalam majlis ini, seramai 55 orang



penyelidik dan pensyarah dirai dalam Malam Anugerah Cendekia Bitara yang menjadi suntikan semangat untuk warga UMP berkarya dengan kreativiti dan inovasi serta menghasilkan kecemerlangan terbilang berpaksikan budaya penyelidikan unggul dan berkualiti tinggi.

Anugerah Akademik Universiti kategori Sains Gunaan dimenangi Dr. Mohamed Ariff Ameedeen yang merupakan pensyarah Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd. Alwi dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) menang bagi kategori Sastera dan Sains Gunaan.

Manakala seramai 53 orang menang Anugerah Cendekia Bitara bagi kategori penerbitan jurnal (36), produk penyelidikan (12), Geran Paten (3), Kreativiti (2), Tokoh (1) dan Geran Antarabangsa (1).

Dalam pada itu, Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPPK) menang anugerah kreativiti bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Data (*e-Dashboard*) yang dibangunkan sebagai usaha UMP dalam memperkemas proses pengumpulan dan penganalisisan data, maklumat berserta bahan bukti sebagai dokumen sokongan bagi menyalurkan data dan maklumat universiti kepada pihak KPM.

Projek ini juga telah berjaya memenangi Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia 2014 dalam kategori pengurusan sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi KPM tahun lalu.

UMP kini berada pada landasan yang kukuh dan sebagai salah satu universiti awam di Malaysia, UMP bertanggungjawab untuk memastikan hasil penyelidikan ini dapat dimanfaatkan bersama masyarakat.





'Jom Masuk IPT' buka tirai Karnival Pendidikan di Pahang

Lebih 30 ribu pengunjung dari Pantai Timur terutamanya dari negeri Pahang hadir ke Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2015 yang dianjurkan buat kali ke-11 apabila negeri Pahang dipilih sebagai lokasi pembuka tirai karnival anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung dua hari di SASICC, The Zenith Hotel Kuantan pada 14 dan 15 Februari 2015 yang lalu.

Majlis dirasmikan Menteri Pendidikan 11, Dato' Seri Idris Jusoh. Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas mewakili Menteri Besar dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Hadir sama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Dato' Profesor Dr. Asma Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Datuk Haji Mohlis Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Dato' Amir Md. Noor, dan Pengarah Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Mazula Sabudin.

Dalam ucapan perasmian, Dato' Seri Idris menasihatkan pelajar memilih jurusan pengajian di dalam negara apabila terdapat 11 fakulti yang telah mendapat tempat dan diiktiraf antara 100 terbaik di dunia.

Begitu juga dengan penawaran pengajian dwi-iijazah yang ditawarkan di UMP yang mendapat kerjasama dengan universiti Jerman, Hochschule Karlsruhe Technic und Wirtschaft (HsKA), Karlsruhe, Jerman melalui penawaran program di peringkat pengajian sarjana muda dan siswazah.

Selain itu, pelajar juga perlu mengambil peluang mengambil kursus-kursus di politeknik dan kolej komuniti di seluruh negara menerusi penawaran program yang tidak kurang hebatnya dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, objektif utama program tersebut adalah mendidik serta memotivasi para pemohon serta menyebarluaskan maklumat tepat serta terkini mengenai peluang pendidikan di negara ini.

"UMP amat berbangga kerana dapat bersama dengan KPM dalam meneraju penganjuran Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2015 'Jom Masuk IPT' Zon Pahang.

"Acara ini merupakan medan di mana UMP, sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi

Awam (IPTA) dapat berganding bahu bersama KPM dan rakan-rakan IPT lain menuaikan tanggungjawab sosial menyebarluas maklumat dan peluang pengajian tinggi di Malaysia," katanya.

Sebagai pembuka tirai KPTN bagi tahun 2015, Dato' Dr. Daing mengharapkan kejayaan penganjuran edisi di Zon 1 ini kelak akan turut memberi impak positif dari segi sambutan dan maklum balas umum untuk lapan zon lain hingga bulan April yang akan datang.

Beliau mengharapkan program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan sasaran yang ditetapkan bagi mendapatkan sebanyak maklumat yang boleh agar mereka berupaya membuat pilihan program yang tepat, bijak serta bersesuaian dengan kelayakan, minat dan cita-cita mereka.

Katanya, selain pameran dan pendedahan maklumat, karnival itu juga akan menjalankan beberapa aktiviti seperti kuiz, khidmat nasihat, bimbingan, kaunseling pendidikan dan permohonan aplikasi atas talian.

Majlis perasmian berlangsung dengan suasana meriah dengan kehadiran pelajar sekolah sekitar Kuantan. Karnival diadakan di lapan zon lain termasuklah di Universiti Sains Malaysia (USM), Melaka International Trade Centre, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn dan Pusat Transformasi Luar Bandar Kota Bharu dan Padang Merdeka Kota Kinabalu Sabah.

Selain melawat 120 buah booth pameran daripada institusi pengajian tinggi dan jabatan, agensi berkaitan, pengunjung juga berpeluang membuat semakan syarat khas kelayakan program ke IPTA, Politeknik dan ILKA melalui e-Panduan Permohonan Kemasukan ke IPTA, e-Panduan Permohonan Kemasukan ke Politeknik Konvensional/METR0, Kolej Komuniti dan ILKA.

Terdapat 11 fakulti yang telah mendapat tempat dan diiktiraf antara 100 terbaik di dunia.





Hari Terbuka UMP sebar maklumat pengajian tinggi terhadap masyarakat

Universiti yang digambarkan sebagai sekolah pengajian sejagat (school of universal learning) sebenarnya mendukung peranan dan obligasi yang lebih besar yang bukan sahaja sebagai gedung ilmu pengetahuan malahan mempunyai dimensi yang lebih luas dan merujuk kepada proses penyebaran.

Pengetahuan bukan sahaja kepada komuniti sesebuah universiti, tetapi tidak kurang pentingnya juga, penyebaran pengetahuan kepada masyarakat.

Naib Canselor Universiti

Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, menyedari bahawa fungsi sebenarnya lebih bersifat satu obligasi berbanding rekreasi, apatah lagi dalam konteks kewujudannya sebagai sebuah universiti awam (UA), maka UMP memandang serius usaha merealisasikan pendemokrasian pendidikan dengan menampilkan universiti ini ke tengah masyarakat.

"Dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi

2015-2025 tidak lama lagi, komitmen sosial universiti terhadap masyarakat semakin diberi penekanan sebagai agenda penting yang perlu dilaksanakan di universiti ini."

"Masyarakat umum kini merupakan sebahagian daripada pemegang taruh dan kumpulan sasar yang memerlukan perhatian strategik universiti.

"Justeru, komitmen sosial berkaitan penyebaran pengetahuan kepada kelompok ini perlu diberikan acuan khusus yang realistik dan praktikal bagi memastikan mesej utamanya dapat disampaikan dengan berkesan, sama ada secara formal atau informal," ujar Dato' Dr. Daing Nasir semasa menyampaikan ucapan sempena Majlis Perasmian Hari Terbuka UMP dan Penyampaian Hadiah CITREx 2015 pada 10 Mac 2015 yang lalu.

Penganjuran Hari Terbuka ini adalah antara Inisiatif UMP untuk memasyarakatkan universiti melalui saluran yang formal yang dikombinasikan dengan kaedah penyebaran maklumat dan pengetahuan secara informal.

Penganjuran kali ini merangkumi lima komponen utamanya iaitu Creation, Innovation, Technology & Research

Exposition (CITREx), Karnival Mahabbah, Academic Showcase, Karnival Bahasa dan Kebudayaan Cina serta Persembahan Istimewa menjadikan Hari Terbuka UMP 2015 sebuah acara yang bersifat inklusif dan sesuai untuk semua peringkat masyarakat.

Sementara itu, menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, program ini amat bersesuaian dengan pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) baru-baru ini, ianya memberi peluang kepada bakal calon pelajar dan ibu bapa untuk mendapatkan maklumat pengajian.

Dalam pada itu, sebanyak 300 hasil penyelidikan UMP dipamerkan dalam Pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi (CITREx) untuk dikongsi bersama masyarakat.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 66 pingat emas, 137 perak dan 79 pingat gangsa dianugerahkan kepada penyelidik dalam program yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Gambang bersempena Hari Terbuka UMP yang diadakan dua hari mulai 9 hingga 10 Mac 2015.



Pengunjung dapat menyaksikan sendiri penghasilan projek-projek penyelidikan yang mengenangkan elemen kepakaran dan kreativiti penyelidik melibatkan 183 staf dan 117 pelajar yang dipamerkan pada Hari Terbuka UMP ini.

Selain melawat pameran, pengunjung berpeluang melawat makmal berpusat serta sistem pengajaran dan pembelajaran program pengajian di UMP yang menawarkan program-program di semua peringkat pengajian bermula dari Diploma, Sarjana Muda sehingga ke peringkat lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Antara lain yang menjadi tarikan adalah kunjungan ikon dakwah, Ustaz Don Daniyal yang berpeluang bertemu dengan warga UMP dalam Program Sirah Rasul, Program Saintis Muda dan *Fun Learning English*.

Di samping itu juga turut berlangsung penganjuran Karnival Mahabbah anjuran bersama Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dan Karnival Bahasa dan Kebudayaan Cina dengan sokongan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Memeriahkan majlis perasmian adalah persembahan kebudayaan pelajar dari Yamaguchi Universiti Japan yang sedang mengikuti program mobiliti di UMP. Begitu juga dengan persembahan ‘tarian perang’ yang berjaya menarik perhatian ramai.

Pasukan seramai 33 anggota ini terdiri daripada batallion Pertama Rejimen 505 askar wataniah yang diketuai oleh Perajurit

Muda Muhammad Eiddil Firdaus. Tarian ini adalah salah satu tarian semangat yang menonjolkan ciri-ciri keberanian, keseragaman dan disiplin tinggi sesuatu pasukan.

Dalam majlis itu, Dato' Dr. Daing Nasir turut menyampaikan anugerah kepada pemenang pingat emas dan anugerah khas disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah UMP, Syed Mohamad Hamzah Al-Junid.

Bagi Anugerah Teknologi Hijau dimenangi oleh pensyarah Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Dr. Chong Kwok Feng dan Pemenang Terbaik (Staf) dinobatkan kepada Dr. Nina Suhait Azmi yang juga dari FSTI.

Manakala bagi pelajar adalah Anugerah Impak Sosial dimenangi oleh Nur Lyana Zolkifli dan Anugerah Ciptaan Kreatif dimenangi oleh Mohd. Irshad Shafiq Md. Zamri serta Pemenang Terbaik (Pelajar) dianugerahkan kepada Nurul Adilah Rosnan.

Penganjuran Hari Terbuka ini adalah antara inisiatif UMP untuk memasyarakatkan universiti melalui saluran yang formal yang dikombinasikan dengan kaedah penyebaran maklumat dan pengetahuan secara informal.





Lebih 2,500 sukarelawan IPT bantu operasi pascabanjir

Lebih 2,500 orang sukarelawan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara termasuk Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) turun padang meneruskan usaha membersihkan 12 lokasi pembersihan kawasan penempatan penduduk dan sekolah sekitar negeri Pahang pada 17 Januari 2015 yang lalu.

Misi bantuan melibatkan 16 universiti awam dan swasta serta kolej komuniti. Dalam program ini, sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) terlibat di Kampung Paya Pasir Chendor, Pulau Rusa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Peramu Jaya, Universiti Malaya (UM), Universiti Tun Hussin Onn (UTHM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sekolah Kebangsaan Temai, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Kampung Pulau Manis, University Multimedia (MMU) di Sekolah Kebangsaan Paloh Hinai dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) di Kampung Sawah.

Sukarelawan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Segamat di Masjid Pulau Rusa, Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) di Kg. Sebelah Chendor, Kolej Teknologi Alpha di Sekolah Kebangsaan Tanah Rom, UiTM Melaka di Guai, Bera, Universiti Sains Malaysia (USM) di Kampung Sekara dan bandar lama Chenor, Kolej Komuniti (KK) Paya Besar, KK Rompin, KK Jerantut, KK Pekan dan KK Kuantan di Kampung

Tebal Temerloh serta YSS di Kampung Paya Pasir Penor.

Majlis pelepasan sukarelawan dirasmikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) USM, Profesor Dr. Adnan Hussein dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM, Profesor Datin Noor Aziah Mohd. Awal. Turut sama Pemangku Pendaftar UMP, Abd. Rahman Haji Safie.

Dato' Dr. Daing Nasir berkata, operasi pascabanjir ini melibatkan sukarelawan staf dan mahasiswa universiti secara besar-besaran secara serentak yang memfokuskan kediaman dan pembersihan kawasan sekolah untuk melancarkan sesi persekolahan yang tergendala.

"Susulan bencana banjir luar biasa yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menggesa semua mahasiswa IPT menghulurkan bantuan bagi operasi membantu mangsa pascabanjir."

"Sebagai menyokong saranan ini, pihak UMP dengan kerjasama Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) menjalankan operasi menyelaras pergerakan sukarelawan

dari seluruh IPT. Selain itu juga UMP turut terlibat sebagai Sekretariat Pascabanjir Negeri Pahang bagi menyelaras aktiviti kesukarelawanan," katanya.

Tambah beliau, UMP juga membantu dalam menyediakan kemudahan penginapan yang diuruskan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) bagi penyediaan makanan kepada petugas sukarelawan agar urusan membantu mangsa banjir berjalan lancar.

Staf UPSI, Muhammad Fazry Mohammad Rahman, 25 berkata, penglibatan kali kedua dalam operasi seperti ini sangat menginsafkan apabila melihat kesusahan yang dialami mangsa banjir. Begitu juga dengan mahasiswa UMP, Nurul Atikah Muhammad Arbi, 22 dari Fakulti Pengurusan Industri yang buat pertama kalinya berpeluang menyertai aktiviti pembersihan ini bersyukur kerana berpeluang menyertai program ini.

UMP menerusi Bilik Kawalan dan Operasi Bencana (BKOB) di UMP Gambang dan UMP Pekan telah menerima seramai 6,612 sukarelawan staf dan mahasiswa universiti dari UMP dan IPT lain yang berdaftar dalam menyumbang tenaga dan membantu misi kesukarelawanan sejak bencana banjir melanda di Pantai Timur.



Operasi pascabanjir ini melibatkan sukarelawan staf dan mahasiswa universiti secara besar-besaran secara serentak yang memfokuskan kediaman dan pembersihan kawasan sekolah untuk melancarkan sesi persekolahan yang tergendala.



UMP raih anugerah dan 9 pingat dalam MTE

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraih satu pingat emas, enam perak dan dua gangsa pada pameran Malaysia Technology Expo 2015 (MTE) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 14 Februari 2015 yang lalu.

Pingat emas tunggal dimenangi penyarahan dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Dr. Essam Abdellatif Makky Saleh menerusi produk *L-Asparaginase From Squid Cartilage Bone* dan lebih menariknya turut memenangi anugerah Best Award dari Korea. Penyelidikan ini menghasilkan produk anti kanser dengan menggunakan tulang sotong.

Tiga pingat perak pula diraih penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang terdiri daripada Dr. Mior Ahmad Khushairi Mohd Zahari dengan hasil penyelidikan *OPF Biosugars:Renewable and Novel Feedstock for Poly (3-hydroxybutyrate) Bioplastic*.

Dr. Mohammad Rizza Othman pula menerusi projek *E-APS : A Novel E-Management System For Systematic Management And Evaluation of Academician Activities* dan Mohd Najib Razali menerusi produk *Sludge Oil Derived Base Oil (SODOB): Attractive SW Solution for Petroleum Industry*.

Selain itu, turut menerima pingat

perak, Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli dengan penyelidikan *An Automated Tool for Generating MCDC Compliant Test Suite*. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin menerusi produk *Agarwood Booster Patch* dan Dr. Gaanty Pragas Maniam menerusi produk *Novel Biodiesel from Biowaste*.

Manakala bagi pingat gangsa pula telah disumbangkan oleh Dr. Natanamurugaraj Govindan menerusi penyelidikan *Silver Nanoparticles Based Mouthwash Prepared from Commelina Nudiflora (Rumput Tahi Itik): An Novel Oral Hygiene Product* dan Dr. Gurumurthy Hedge menerusi produk *Fast Photoswitching Isoflavones*.

Pameran MTE 2015 menyaksikan lebih daripada 500 pameran ciptaan dan inovasi dengan penyertaan daripada universiti, institusi penyelidikan, pencipta individu dan sektor korporat dari negara-negara Asia dan Eropah.

MTE edisi ke-14 dirasmikan Pengarah Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Dato' Nurhalim Yunus manakala Malaysian Association of Research Scientists (MARS) dan PROTEMP Exhibitions and Conferences Sdn. Bhd. sebagai penganjur di pameran ciptaan dan inovasi antarabangsa ekspos yang utama di rantau ini.



Inovasi UMP hasilkan kit anti-histeria

Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan sebuah universiti yang berfokus kepada bidang kejuruteraan, sains dan teknologi terus memberi ruang kepada pensyarah dan penyelidiknya untuk berkarya dan menjalankan kajian ilmiah yang mampu memberi impak yang tinggi kepada universiti yang boleh dimanfaatkan masyarakat.

Kit anti-histeria yang dilancarkan

pada 30 April 2015 yang lalu merupakan produk yang dihasilkan berdasarkan kajian mengenai hysteria dan kerasukan yang dijalankan penyelidik UMP diketuai oleh Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Mahyuddin Ismail yang juga Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

Kajian yang dibayai geran penyelidikan universiti dan geran pra-pengkomersialan ini berjaya menghasilkan inovasi Kit Anti-Histeria yang boleh digunakan oleh masyarakat umum. Ia merupakan pengembangan kepada kaedah mengatasi rasukan dan hysteria yang telah diguna pakai oleh Pusat Rawatan Al-Manarах.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, kajian ini telah dijalankan dengan teliti dan komprehensif berdasarkan disiplin dan kaedah ilmiah malahan setiap hasil penyelidikan perlu bersifat ketara (*tangible*) dan berdasarkan bukti (*evidence based*).

"Kit Anti-Histeria ini dibangunkan sebagai satu produk yang mempunyai potensi besar untuk dipasarkan memandangkan statusnya yang patuh syariah serta bebas dari sebarang perkara yang berbentuk metafizik, tahuul atau khurafat yang menyesatkan."

"Pihak pengurusan UMP menaruh keyakinan bahawa dengan kepakaran barisan penyelidik serta sokongan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihap-pihap yang terlibat. Persoalan di sebalik masalah hysteria dan kerasukan perlu juga diteroka secara ilmiah untuk dicari penyelesaiannya.

"Masyarakat perlu diberikan pencerahan yang berdasarkan ilmu yang benar bagi menangani kes-kes berkaitan hysteria dan kerasukan yang dilaporkan media sering berlaku di institusi-institusi pendidikan," katanya.

Beliau berkata, selain mendatangkan kegusaran dalam kalangan anggota masyarakat kejadian yang berlaku ini turut memberi kesan kepada aspek emosi, hubungan sosial, produktiviti, pencapaian akademik pesakit yang kadangkala turut melibatkan isu akidah dan syariah.

Berdasarkan pencapaian ini dan juga kajian mengenai undang-undang sihir yang turut diterajui oleh Dr. Mahyuddin Ismail ini, UMP turut menimbangkan kemungkinan untuk menujuhkan sebuah Makmal Perubatan Islam bagi tujuan pengembangan kajian ilmiah dan saintifik dalam bidang tersebut.



UMP, POLISAS meterai perjanjian persefahaman NoU

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) menandatangani perjanjian nota persefahaman (NoU) dalam berkongsi amalan terbaik bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), kepakaran dan latihan pada 19 Mac 2015 yang lalu.

Kerjasama ini juga bakal memanfaatkan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta program khidmat sosial.

Majlis menandatangani NoU menyaksikan POLISAS diwakili pengarhunya, Mej (K) Dato' Abu Bakar Ahmad dan Timbalan Pengarah Akademik, Lt. Kol. Bersekutu (PA) Shamsuria Mohd. Ariffin manakala UMP diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Hal-

Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin.

Majlis dihadiri Ketua Pengarah Pengajian Politeknik, Datuk Hj. Mohlis Jaafar. Turut hadir Dekan Fakulti Pengurusan Industri (FIM), Dr. Mohd. Ridzuan Darun, Ketua Jabatan Perdagangan POLISAS, Norhayati Mohamed Basir dan Ketua Pegawai Agensi AmMetlife Insurance Berhad, Tai Chee Ming. Turut berlangsung majlis menandatangi nota persefahaman antara POLISAS dan AmMetLife Insurance Berhad.

Dato' Abu Bakar berkata, hubungan kerjasama POLISAS dan UMP bermula melalui program WISE (Women in Social Enterprise), seminar-seminar penyelidikan, perkongsian ilmu dan juga aktiviti-aktiviti keusahawanan. Program WISE merupakan salah satu aktiviti keusahawanan sosial di peringkat nasional hasil kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

"WISE berkonsepkan program pemindahan dan perkongsian ilmu mengenai kemahiran perniagaan daripada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kepada komuniti sahabat usahawan (SAHABAT), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan sebagainya. Pelajar dan tenaga pengajar atau pembimbing keusahawanan di IPT diberi latihan atas kemahiran perniagaan," katanya.

Lebih membanggakan hasil bimbingan UMP ini, pihak POLISAS berjaya menjadi perintis program WISE sejak 2012 malahan berjaya menjadi Johan Peringkat Kebangsaan dalam pertandingan yang diadakan pada 2013.

Sementara itu, hubungan kerjasama antara POLISAS dan AmMetLife Insurance Berhad pula bermula pada semester lalu dengan

pengambilan kumpulan pertama seramai 50 orang graduan Jabatan Perdagangan (JP) untuk menjalani *on job training* selama tiga bulan. Graduan telah didedahkan dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran *softskills*, kemahiran keusahawanan, persebahanan dan *one to one meeting*.

Tambah beliau, graduan akan melalui pelbagai tapisan dan peperiksaan bagi melayakkan mereka untuk berkhidmat di AmMetLife Insurance Berhad. Program ini memberi nilai tambah pada POLISAS khususnya dalam meningkatkan kadar *graduate employability* (GE).

Dalam pada masa yang sama turut berlangsung program "Seminar Kajian Tindakan" peringkat Zon Timur yang dikelolakan oleh Portfolio Kolaborasi dan Portfolio Penyelidikan & Inovasi Jabatan Perdagangan, POLISAS bersama dengan Fakulti Pengurusan Teknologi UMP.

Ianya bertujuan memberi pendedahan mengenai kajian tindakan (*action research*) kepada peserta seminar selain memberi nilai tambah kepada pengetahuan sedia ada mereka mengenai proses menjalankan kajian tindakan yang terkini bagi menyelesaikan masalah semasa di institusi/organisasi masing-masing.

Penyertaan melibatkan staf dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Politeknik Muadzam Shah, Politeknik Mersing, Politeknik Metro Kuantan, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Politeknik Hulu Terengganu, Politeknik Kuala Terengganu, Politeknik Kota Bharu, Politeknik Pagoh, Kolej Komuniti Kuantan, Kolej Komuniti Paya Besar, Kolej Komuniti Pekan dan Kolej Komuniti Temerloh.



UMP jalin kerjasama dengan NIU tawar program dwijazah

Oleh: EMMA MELATI BURHANUDDIN dan NURUL NADIA NOR HAMRAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan rakan strategik Northern Illinois University (NIU) bagi menawarkan program dwijazah kejuruteraan teknologi untuk program Pembuatan, Elektrik dan Tenaga dan Alam Sekitar pada 11 Februari 2015 yang lalu di Amerika Syarikat.

Kerjasama ini bakal menyaksikan graduan ketiga-tiga program ini memperoleh dua ijazah iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi yang memberikan penekanan terhadap teknologi kejuruteraan oleh pihak NIU.

Dalam majlis itu, UMP diwakili Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff manakala NIU diwakili Dekan College of Engineering & Engineering Technology

(CEET), Profesor Dr. Promod Vohra.

“Kolaborasi ini bakal memperat hubungan baik UMP dan NIU sejak tahun 2010 dan usaha bersungguh-sungguh kedua-dua pihak dalam memberi nilai tambah terhadap ketiga-tiga program pengajian ini,” katanya.

Hadir sama dalam program, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid, Profesor dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Penolong Pendaftar Kanan, Emma Melati Burhanuddin.

Manakala pihak NIU disertai Naib Presiden Hal Ehwal Antarabangsa, Profesor Dr. Raymond W. Alden III, Dekan CEET, Profesor Dr. Promod Vohra, Pembantu Dekan bagi Outreach and Undergraduate Programs, Profesor Dr. Omar Ghrayeb, dan Ketua Jabatan Teknologi, Profesor Dr. Cliff Mirman.

SEMINAR DEMAND-DRIVEN INNOVATION PROJECT BY PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN)



Dirasmikan oleh
Yang Berbahagia Dato' Seri Ir.
Dr. Zaini Ujang
Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan



Program PPRN manfaatkan industri dan usahawan

Penghasilan produk menggunakan teknologi yang lebih intensif dan pengetahuan input yang lebih tinggi dapat meningkatkan pengeluaran produk sejajar dengan permintaan pasaran. Justeru, pelaksanaan Program Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) yang merupakan satu model kerjasama strategik antara institusi pendidikan tinggi, industri dan agensi kerajaan dilihat dapat memacu pembangunan produktiviti dan inovasi negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai tuan rumah mengajurkan seminar ‘Demand-Driven

Innovation Project’ di bawah Program Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) yang berlangsung semalam menarik penyertaan seramai 300 dalam kalangan usahawan dan ahli akademik hadir untuk mendapatkan maklumat tentang program tersebut.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dr. Daing Nasir Ibrahim, Ketua Unit Keusahawanan KPM, Datin Dr. Syahira Hamidon dan Pengarah Pusat Keusahawanan UMP, Profesor Dr. Noor Azlinna Azizan.

Dalam ucapannya, beliau berkata, PPRN perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh usahawan daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan penyelidik universiti tempatan bagi menghasilkan produk berdaya saing dan berinovasi.

“Melalui seminar seperti ini, para usahawan boleh memilih sendiri penyelidik yang bersesuaian bagi membangunkan produk mereka untuk tempoh jangka panjang malahan mereka boleh mengenal pasti masalah yang dihadapi dan menyelesaikan melalui khidmat nasihat daripada penyelidik yang dipilih dengan melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi daripada geran yang disediakan iaitu sehingga lima puluh ribu,” katanya semasa berucap dalam majlis yang diadakan di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 21 April 2015 yang lalu.

Menurut Profesor Dato’ Dr Daing Nasir, sokongan berterusan daripada kepimpinan KPM adalah amat penting dalam konteks kelestarian inisiatif PPRN bagi mengupayakan perkongsian pintar yang berkesan antara

sektor awam dan swasta.

Katanya, seminar pada hari ini tidak sekadar menghimpunkan kalangan pembuat dan perlaksanaan dasar dari sektor awam tetapi turut disertai para akademik dan penyelidikan dari IPT dan penggerak sektor perniagaan, industri dan keusahawanan.

Sementara itu, seorang peserta, Wan Ahmad Hulaimi Wan Abdul Rahman, 43, berkata, PPRN yang diwujudkan ini dilihat amat membantu usahawan PKS terutama yang menghadapi masalah untuk meningkatkan produktiviti.

Beliau yang mengusahakan perniagaan sabun pencuci pakaian berkata, sekiranya mereka berhasrat mendapatkan perunding atau penyelidik dari luar pastinya memerlukan kos yang tinggi tetapi melalui PPRN ianya boleh memberikan manfaat.

Seorang lagi peserta, Asiah Mat Salleh, 56 yang merupakan pengusaha tepung kek berharap melalui PPRN ini dapat membantunya meluaskan pasaran produknya seperti pemasaran dan pembungkusan.

Beliau melahirkan rasa syukur kerana berpeluang menyertai seminar ini dan berharap akan dapat membantunya meluaskan pasaran produk tepung kek campuran serta membantunya menyelesaikan masalah berkaitan pemasaran dan pembungkusan lebih 10 tahun bermula.

Peserta yang hadir turut berpeluang mengikuti taklimat pelaksanaan PPRN dengan dibantu facilitator selain menyaksikan pameran produk komersial hasil penyelidikan UMP yang diselaras pihak Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Pusat Keusahawanan UMP dan Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat.



UMPH anjur majlis apresiasi hargai perunding universiti

UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) menganjurkan Majlis Apresiasi Perunding Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai menghargai jasa dan komitmen dalam kalangan perunding, penyelidik dan staf UMP yang terlibat dalam kerja perundingan, latihan, pengkomersilan dan penyewaan fasiliti yang menyumbang terhadap pembangunan dan kemajuan syarikat.

Program diadakan di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 26 Januari 2015 yang lalu.

Hadir sama menyerikan majlis adalah Pengurus UMPH, Dato' Mohd. Hilmy Mohd Taib, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, ahli Lembaga Pengarah UMP, Syed Mohamad Hamzah al-Junid Syed Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato'

peluang-peluang perniagaan dari universiti sendiri dan UMP memainkan peranan yang penting dalam memberi suntikan dan bantuan pelbagai bidang.

"Walau bagaimanapun, tahun ini memperlihatkan pendapatan keseluruhan yang memberangsangkan iaitu RM 31,607,880 hasil daripada penyewaan tanah dan bangunan, penyewaan kenderaan, fasiliti, apartmen serta lain-lain sewaan.

"Malahan tahun ini bakal menjanjikan lebih banyak peluang perniagaan dalam dan luaran," katanya.

Tambah beliau, dari aspek perundingan, latihan dan khidmat teknikal tahun lalu menunjukkan prestasi yang memberangsangkan hasil kegigihan dan komitmen staf yang terdiri dalam kalangan profesor, pensyarah dan staf sokongan melibatkan makmal berpusat, fakulti,

Dr. Yuserrie Zainuddin
Menurut Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, pada peringkat awal penubuhannya, UMPH disokong oleh

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan pusat kecemerlangan.

Penjanaan pendapatan dari anak-anak syarikat ini penting kerana prestasi sesebuah universiti diukur hasil penyelidikan produk yang boleh dikomersialkan bagi memberi manfaat kepada negara termasuk pembinaan prototaip, penghasilan produk dan nilai komersial sesuatu produk.

Turut membanggakan adalah kejayaan syarikat terbitan (*spin off company*) seperti UMP Ecopest Sdn. Bhd, UMP Green Technology Sdn. Bhd. dan UMP Innovest Sdn. Bhd.

Begitu juga dengan tiga produk lagi iaitu Keratin, DiaClean dan Asar Font yang masih dalam proses perundingan dengan beberapa agensi turut mempunyai potensi besar untuk dikembangkan.

Dalam mencapai matlamat Pelan Strategik UMP, universiti telah pun merancang pelbagai projek penjanaan pendapatan melibatkan seluruh warganya bagi menggembungkan tenaga mencapai taraf autonomi dan memenuhi hasrat 30 peratus berpendapatan sendiri menjelang 2020.



UMP pamer seni pertahanan diri di pentas dunia

Oleh: MOHD. ZAKI AHMAD

Tujuh orang gabungan mahasiswa dan alumni UMP mengharumkan nama Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada pentas dunia apabila terpilih mewakili negara dalam mempamerkan aksi Seni Silat Gayong dalam Festival des Arts Martiaux (Festival Seni Beladiri) yang ke-30 anjuran majalah Seni Beladiri popular sekitar Eropah iaitu Karate Bushido di Le Palais des Congres pada 8 Mac 2015 yang lalu di Perancis.

Mereka terdiri daripada ahli persatuan Silat Seni Gayong Malaysia UMP (PSSGMUMP) atau dikenali dengan nama gelaran Gelanggang

Naga Rantau iaitu Muhammad Luqman Azmi, Mohd. Hilmihusaini Mohd. Sapari, Mohamad Zulpaka hashim, Nurwahira Mohd Yamin dan Siti Nur Amirah Alias manakala dua lagi adalah dalam kalangan alumni UMP iaitu Muhammad Nur Syaffiq Mahmood dan Mohammad Badrul Ishak Mustafa.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin berkata, pasukan UMP adalah satu-satunya pasukan yang mempersembahkan seni silat seberis dengan pasukan para sami Shaolin dari China, Grandmaster Karate Okinawa dari Jepun, Pasukan Tae Kwan Do kebangsaan dari Korea Selatan, Grandmaster Akido dari Jepun, pakar Krav Maga dari Israel dan pakar Capoeira dari Brazil.

"Gelanggang Naga Rantau terpilih mewakili Malaysia setelah tiga tahun mencuba untuk mendapat tempat bagi mempamerkan aksi dalam persembahan bertaraf dunia ini apatah lagi festival ini mengumpulkan barisan pengamal bela diri terbaik dunia.

"Persembahan kali ini mendapat sokongan oleh pihak Tourism Negeri Pahang dalam mengatur perjalanan di sana," katanya yang hadir dalam Majlis Penyerahan Bendera oleh Ketua Pasukan, Zulfahmi Zulkifli baru-baru ini.

Tambah beliau, persembahan ini akan melonjakkan nama UMP dan menunjukkan kemampuan pelajar universiti ini yang mampu bersaing membuat persembahan dengan pengamal seni bela diri dari luar.

Sementara itu, Penasihat PSSGM, Shaiful Hakim Mohamed Noor yang merupakan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) berkata, persembahan ini dapat ditonton secara langsung di stesyen televisyen di Perancis dan di media sosial

termasuk YouTube `Karate Bushido Official` beberapa bulan selepas persembahan serta mendapat liputan dalam majalah Karate Bushido, dan juga akhbar tempatan di sana.

Bagi Zulfahmi, peserta sungguh teruja membuat persembahan dalam memperkenalkan seni silat Melayu di Kota Paris dan sambutan sungguh menggalakkan.

"Kami juga menghargai sokongan pihak Kedutaan Besar Malaysia iaitu Tan Sri Ismail Omar yang banyak memberi kata-kata semangat dan agar pasukan mempersembahkan aksi terbaik di pentas dunia di Kota Paris ini. Begitu juga bantuan dari pihak Atache Jabatan Perkhidmatan Awam, Shahir Hamizan dalam mengurus segala kemudahan sewaktu berada di sana."

"Kami turut menjalani latihan dengan bersungguh-sungguh bagi membiasakan diri masing-masing dengan pentas. Segalanya berjalan dengan lancar dan tidak mengalami sebarang kecederaan besar memandangkan mereka bermain dengan senjata. Mereka yang hadir sangat teruja dengan persembahan-persembahan yang dipersembahkan," ujar beliau.

Persembahan dimulakan dengan sembah hormat sebelum persembahan. Persembahan yang menjadi tumpuan adalah aksi Shaiful Hakim dengan parang dan perisai, Parang Gila yang dipentaskan oleh Hilmi dan Luqman dan Pentas Lembing persembahan oleh Syaffiq dan Badrul. Begitu juga dengan Kipas Cenderawasih oleh Wahida dan Amirah serta Pentas Tekpi bagi satu lawan tiga.

Selain membuat persembahan, pasukan berpeluang bertukar-tukar pandangan tentang seni budaya dengan peserta lain termasuk dari Uzbekistan, Russia dan lain-lain negara.



40 mahasiswa pelajari budaya Nusantara

Oleh: NOOR AFIZA MOHD. ASMI

Seramai 40 orang mahasiswa bersama dua orang pegawai pengiring mengikuti Program Antarabangsa Pelajar: Perkongsian Akademik dan Sosiobudaya di Yogyakarta, Indonesia anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP pada 20 Februari 2015 yang lalu.

Penyertaan terdiri dalam kalangan mahasiswa yang bergiat aktif Kumpulan Seni & Budaya Sekretariat Kebudayaan & Kesenian UMP.

Antara kumpulan yang terlibat adalah Kumpulan Seni Tari Kencana Pawana, Kumpulan Seni Teater Senandika & Waris, Kumpulan Muzik Band, Gamelan dan Orkestra, Kumpulan Nasyid Baraqah Beggers, Kumpulan Seni Suara Vocal Intensity, Kumpulan Dikir Barat Warisan Seri Pujangga & Seri Juita Inderapura, Kumpulan Seni Fotografi Shutter Buster dan Exco Kebudayaan India.

Menurut Fadhilah Sutan Ibrahim selaku Presiden Sekretariat Kebudayaan & Kesenian, Program Kembara Tingkah Budaya Nusantara 2015 dijalankan di Institut Seni Indonesia (ISI), Yogyakarta.

"Para peserta dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu seni tari, seni teater, seni suara dan seni muzik kerongcong dan gamelan. Mereka diajar oleh pensyarah ISI yang berpengalaman

tentang asas tarian jawa. Manakala seni teater diajar kaedah merealisasikan idea ke pentas melalui olah tubuh dan pantulan vokal dan penghayatan.

"Bagi kelas seni suara pula, mereka diajar menyanyi menggunakan dialek Indonesia Timur malahan buat pertama kalinya, peserta dari kumpulan band dan orkestra UMP didedahkan seni Muzik Kerongcong yang agak mencabar.

"Manakala peserta daripada Kumpulan Gamelan UMP berpeluang untuk bertukar-tukar idea bermain alat muzik gamelan jawa bersama-sama pelajar di sana," katanya.

Tambah beliau, program di ISI berakhir dengan persembahan hasil usaha gigih latihan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berlangsung dengan lancar.

Para pensyarah ISI turut memuji sikap bersungguh-sungguh yang ditunjukkan peserta ketika mengadakan sesi latihan sehingga berjaya dipertontonkan kepada umum.

Mahasiswa juga berpeluang melawat bandar Yogyakarta yang amat terkenal dengan tempat-tempat bersejarah dan seni seperti melawat Candi Borobudur dan menyaksikan persembahan Ramayana dan Shinta serta mendekati pemuzik dan penggiat seni jalanan di Jalan Malioboro.





Mahasiswa UMP terpilih dalam Mobiliti Antarabangsa Mahasiswa Malaysia-Mexico



Oleh: MUHAMMAD AIZAT AZED

20 orang mahasiswa telah terpilih daripada sembilan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menyertai Program Mobiliti Antarabangsa Malaysia-Mexico 2015 (MPMEX2015) yang buat julung kalinya dianjurkan pihak Kedutaan Besar Malaysia-Mexico dengan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Mexico pada 26 Januari 2015 yang lalu.

Program selama tiga minggu ini bertujuan menggalakkan hubungan baik dua hala antara Malaysia dan Mexico dari sudut akademik di peringkat universiti dan pendidikan pengajian tinggi.

Penyertaan melibatkan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Turut sama terlibat mahasiswa dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dari pelbagai lapangan pengajian termasuklah Kejuruteraan, Perniagaan Antarabangsa, Gastronomi, dan juga Sains Sosial.

Program bertujuan mengukuhkan lagi hubungan antarabangsa antara Malaysia dan Mexico serta menjalin persahabatan yang erat antara pelajar di antara dua negara ini. Selain itu, program ini juga menggalakkan pelajar yang terlibat untuk membina jati diri dan motivasi melalui pengalaman kehidupan di negara luar.

Peserta dari UMP, Muhammad Aizat Azed,

pelajar tahun 3 dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) berkata, mahasiswa berpeluang mendapatkan pendedahan yang meluas tentang suasana kehidupan sehari-hari di negara Mexico di samping membina sifat kecintaan dan penghargaan terhadap negara sendiri.

"Dalam program ini mahasiswa dibahagikan mengikut bidang pengajian masing-masing di Malaysia seperti mahasiswa yang mengambil jurusan kejuruteraan akan menjalani tempoh pengajian selama tiga minggu di Technologico De Estudios Superiores De Jocotitlan (TESJO).

"Manakala pelajar Sains Sosial ditempatkan di Universidad Intercultural Estado De Mexico (UIEM) dan bagi mahasiswa yang mengambil jurusan gastronomi dan perniagaan antarabangsa pula ditempatkan di Universidad Autonoma Estado De Mexico (UAEM)," katanya.

Muhammad Aizat berkata, peluang keemasan ini membolehkan beliau bertemu dengan Rektor TESJO, Jose Luis Guillermo Gonzalez Rodriguez. Pertemuan ini memberinya peluang menerangkan dengan lebih lanjut dan terperinci mengenai profil universiti serta program pengajian yang ditawarkan bagi menggalakkan lagi program-program dua hala antara dua universiti ini yang mempunyai profil yang berteraskan Kejuruteraan dan teknologi.

Katanya peserta turut didedahkan dengan keunikan budaya dan tradisi masyarakat di Mexico. Minggu pertama di Mexico banyak dipenuhi dengan aktiviti kebudayaan dan

kesenian bersama masyarakat setempat bagi mempelajari budaya dan tradisi.

Mereka juga dapat merasai sendiri masakan tradisi masyarakat dengan mencuba pakaian tradisi dan mempelajari pelbagai jenis tarian tradisi masyarakat yang terdapat di Mexico.

Menurut Aizat, peluang berkunjung ke penempatan masyarakat Ottomi dan merasai sendiri masakan tradisi masyarakat Ottomi sangat mengujakan. Begitu juga dengan peluang mencuba permainan tradisi Pinata dan berkunjung ke Piramid Teotihuacan.

Beliau turut berkongsi suasana pembelajaran di dalam kelas kejuruteraan di TESJO serta bertemu dengan Dr Eng Aracelli dan Dr Mariano yang merupakan tenaga pengajar kejuruteraan alam sekitar dan kejuruteraan robotik.

Mahasiswa turut berkunjung ke tempat-tempat menarik yang terdapat di sekitar Mexico yang terkenal di seluruh dunia sebagai destinasi yang kaya dengan hasil peninggalan sejarah lampau, tapak-tapak arkeologi yang berharga serta tempat-tempat pelancongan yang menarik.

Mereka juga sempat berkunjung ke Teotihuacan yang menjadi tumpuan terletaknya dua buah piramid terbesar hasil tinggalan kaum Mayan beribu tahun dahulu. Selain itu peserta turut mendaki Valle De Bravo, berkunjung ke Pusat Kebudayaan Mexico di Malinalco dan menyaksikan keindahan Pekan Metepec serta melakukan aktiviti lasak dan santai di La Marquesa.



4 pelajar FKKSA timba ilmu ke Turki

Oleh: DR. FATMAWATI ADAM

Seramai empat orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mengikuti dan menamatkan program pertukaran pelajar ke Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Metalurgi, Yildiz Technical University (YTU), Istanbul, Turki untuk semester musim luruh bermula pada 14 September 2015 sehingga 24 Januari 2015.

Menurut Penyelaras Program Pertukaran Pelajar, FKKSA, Dr. Fatmawati Adam, program ini adalah hasil termeterainya memorandum persefahaman (MoU) melibatkan YTU dan UMP.

“Para pelajar telah mengikuti kursus Bahasa Turki selama lima hari yang dianjurkan oleh Pejabat Antarabangsa selain mengikuti kursus tambahan bahasa Turki di YTU agar memudahkan pelajar untuk berhubung dan berkomunikasi semasa di sana,” katanya.

Menurut salah seorang peserta Mohd Danial, beliau sangat bersyukur mendapat manfaat daripada program ini terutamanya mempunyai kenalan baru yang mungkin akan menjadi asset penting yang mungkin dapat membantunya dalam alam pekerjaan suatu hari nanti.

Di samping ideologi dan cara pemikiran pelajar Turki yang berbeza dengan pelajar Malaysia, menjadikannya lebih kreatif dalam mempertingkatkan kemahiran berinteraksi.

Sementara itu, rakannya Mohd Muntaqim Rusdi dan Siti Amirah Abdul Ghani pula melahirkan rasa kagum Kota Istanbul merupakan salah satu tempat yang menjadikan tarikan utama untuk pelajar dari negara Eropah lain untuk menyambung pelajaran.

Selain pelajar Turki, mereka mempunyai kenalan pelajar lain seperti dari Poland dan Perancis. Noor Zalina Hashim berpendapat program ini melatih mereka lebih berdikari di negara orang dan dapat mempelajari serta memahami budaya dan bahasa asing.



Mahasiswa UMP curah bakti bersama masyarakat Laos dan Thailand

Berita dan foto oleh: ABDUL RAHMAN AHMAD

18 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dapat mencurahkan bakti dan menjalankan kerja khidmat komuniti dengan membina kemudahan dan fasiliti di masjid di daerah Nong Khai, Thailand dan Vientiane Laos dalam Misi Kemanusiaan Loas-Thailand 2015 selama seminggu mulai 3 Mac 2015 yang lalu.

Program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar dan Kelab Perkasa, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) ini merupakan salah satu program mobiliti pelajar tahun akhir ke luar negara untuk bertemu dengan komuniti antarabangsa dan berkongsi kepakaran serta menimba pengalaman dengan menyertai lawatan akademik ke dua-dua negara ini.

Pengarah Program, Mohd. Syukran Ab. Razak, pelajar FKASA berkata, peserta berpeluang bertemu komuniti dan mengecat Masjid Azahar di Vientaine Laos serta

membina kemudahan di Masjid Yayasan Assalam.

"Kami juga mengajar bahasa Melayu bagi kanak-kanak Yayasan Assalam di Nong Khai, Thailand di samping menganjurkan program perkongsian pengalaman bersama pelajar dan pensyarah di Universiti Khon Kaen kampus Nong Khai, Thailand," katanya.

Beliau turut berkongsi pengalaman ketika berada di negara yang minoriti Islam. Keadaan ini telah menyedarkannya walaupun hidup di kalangan bukan Muslim, keadaan ini tidak menghalang penduduk Islam di negara itu menjalani kehidupan seharian, terutama dalam mencari nafkah dan bersekolah.

Katanya, masyarakat setempat dapat hidup bersama-sama dengan harmoni walaupun Islam di sana hanyalah kaum minoriti sahaja. Begitu juga dengan hasil sumbangan pihak bukan kerajaan (NGO) dari Malaysia banyak membantu penduduk di sana terutama kemudahan kepada masyarakat Islam beribadah dan menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada umat Islam.

Menurut Mohd. Syukran yang merupakan pelajar tahun tiga pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan Awam berkata, lebih membanggakan mereka program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya pelajar apabila mereka berjaya menghasilkan binaan untuk digunakan penduduk.

Pihaknya amat berterima kasih atas sumbangan dan sokongan Persatuan Wanita UMP (Matahari) yang banyak membantu

dalam mengumpulkan dana bagi membiayai pembinaan masjid dan menjayakan misi program ini. Walaupun berdepan dengan kekangan masa yang agak terhad, hasil kerjasama yang mantap antara peserta mampu mempercepatkan fasiliti di masjid yang hampir siap sepenuhnya tidak lama lagi.

Program turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Ar Rahmah Malaysia dan Yayasan As Salam Thailand.





Program PIE tingkat penguasaan mahasiswa antarabangsa berbahasa Inggeris

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia PAhang (UMP) menganjurkan majlis penganugerahan sijil tamat Program Intensif Bahasa Inggeris (PIE) kepada seramai 87 pelajar antarabangsa UMP pada 14 April 2015 yang lalu.

Majlis penyampaian sijil disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin bertempat di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang. Turut hadir Timbalan Dekan PBMSK, Dr. Norehan Sulan.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Yuserrie mengucapkan tahniah kepada semua pelajar yang berjaya mengikuti program PIE Program Persediaan Intensif Bahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Katanya, program PIE ini yang dijalankan pihak PMBSK bermula sejak tahun 2008 lagi ini banyak membantu pelajar antarabangsa meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris sebelum menyambung

pengajian mereka di peringkat ijazah dan lepasan ijazah.

"Penguasaan bahasa Inggeris ini sangat penting bagi memudahkan pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti sehari-hari ketika melanjutkan pengajian di Malaysia."

"Sehingga kini, seramai 531 pelajar antarabangsa dari 37 buah negara mendaftar di UMP bagi menyambung pengajian di peringkat sarjana muda dan lepasan Ijazah. Jumlah ini juga mewakili 5.43 peratus daripada jumlah enrolmen semasa iaitu 9,780 pelajar di universiti ketika ini," ujar Dato' Dr. Yuserrie semasa berucap merasmikan Majlis Penyampaian Sijil Tamat Program PIE.

Tambahnya, walaupun dilihat peratusan ini masih kecil namun ia merupakan petunjuk positif bahawa UMP telah mencapai kedudukan berdaya saing dalam pasaran pendidikan global yang seterusnya mencapai Pelan Strategik UMP 2016-2020.

Beliau mengharapkan pelajar akan terus cemerlang dalam pengajian sehingga tamat pengajian dan diharapkan usaha untuk ini akan dapat menarik lebih ramai bakal pelajar untuk mendaftar pengajian di UMP.

Sementara itu, koordinator yang menyelaras program PIE, Dr. Zailin Shah Yusoff, berbangga dengan perkembangan dan pencapaian pelajar antarabangsa yang mengikuti program ini sepanjang lima tahun pelaksanaannya.

Dalam majlis ini, pelajar Aiman Awadh Saleh Mokaizh dari Yaman diiumum pemenang *Most Outstanding Award* yang mendapat keputusan 5.8 dan mencapai tahap kompetensi dalam tempoh masa paling pantas iaitu sebulan.

Anugerah *Best Achievement Award* bagi kategori PascasiswaZah pula dimenangi oleh Mohd Midhat Hasan dari Iraq dengan keputusan 6.5 manakala Anugerah *Best Achievement Award* kategori Ijazah pula dimenangi oleh Ahmed Hasan Ahmed al-Hamed dari Yaman dengan keputusan 6.3.



TURUN PADANG.... DYT^M Tengku Mahkota Pahang bersama Naib Canselor meninjau sukarelawan UMP dan membantu kawasan yang dilanda banjir.



GOTONG-ROYONG.... Sukarelawan UMP mengecat bangunan yang terjejas akibat banjir.



RASMI.... Naib Canselor merasmikan *Reading Circle Program* di Perpustakaan UMP Pekan.



SUMBANGAN.... PIMPIM memberikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Sekara, Maran.





SELFIE.... Naib Canselor bergambar bersama Timbalan Menteri Pendidikan sewaktu Karnival Pendidikan Negara 2015 di Kuantan.



PENYELIDIKAN.... Pelajar sekolah meninjau hasil penyelidikan oleh penyelidik UMP sempena Hari Terbuka UMP 2015 di UMP Kampus Gambang.



KAYUH.... Pelepasan peserta UMP 80 Ride 2015 di UMP Pekan.



SENI.... Sebahagian aktiviti yang dijalankan sempena Minggu Kebudayaan Tahun Baharu Cina 2015 di UMP Kampus Gambang.

Klik-Klik
Lensa



Alumni UMP turun padang bantu mangsa banjir Temerloh

12 orang dalam kalangan alumni UMP menyertai program kesukarelawanan bagi membantu mangsa banjir di sekitar Kampung Liut dan Sekolah Kebangsaan Guai Temerloh.

Mereka berpeluang bertemu dengan masyarakat Kampung Liut dalam usaha membantu membersihkan rumah, klinik dan sekolah yang dipenuhi lumpur akibat bencana banjir yang melanda daerah berkenaan pada 3 Januari 2015 yang lalu.

Sukarelawan yang terdiri daripada

alumni pelbagai fakulti ini telah meluangkan masa selama tiga hari dalam menjayakan misi kesukarelawan untuk membersihkan lokasi tersebut.

Menurut Siti Nor Maziah Ehsan, 31 yang mengetua misi ini berkata, pihaknya terpanggil untuk membantu meringankan beban penduduk yang ditimpa bencana sekali gus menyampaikan sumbangan yang dikutip daripada alumni untuk diserahkan kepada mangsa.

"Sebagai persediaan, kami telah membawa peralatan membersihkan rumah bagi memudahkan kerja pembersihan menggunakan peralatan cucian yang disediakan melalui penyelaras Jawatankuasa Bencana Peringkat Universiti di Bilik Gerakan Banjir UMP.

"Sejurus mengetahui mengenai bencana ini, kami berkumpul dan menyediakan keperluan dan sumbangan bagi untuk membantu penduduk kampung yang menjadi mangsa banjir.

"Berdasarkan pengalaman saya, bantuan kerja sukarela perlu kerana apabila mereka pulang ke rumah selepas banjir pulih,

mereka bantu untuk membersihkannya kerana keadaan rumah teruk dengan lumpur dan sampah sarap," katanya

Manakala menurut seorang lagi sukarelawan, Hanafi Hashim, 30, yang kini berkhidmat di Sabah berkata, jarak yang jauh tidak menghalangnya untuk sama-sama menyertai aktiviti kesukarelawan ini.

Katanya, beliau amat tersentuh melihat keadaan mangsa banjir ini apabila rumah yang penuh dengan lumpur dan sampah sarap dan apa yang menyedihkan juga peralatan barang elektrik juga turut rosak.

Tugas kumpulannya lebih memberi tumpuan terhadap kepada pembersihan tempat tinggal, sekolah dan klinik tersebut. Katanya, memandangkan komitmennya yang bertugas di Sabah, sekiranya ada masa terluang nanti masih ingin menyertai aktiviti kesukarelawan ini.

Kumpulan alumni ini merupakan salah satu kumpulan daripada 1,200 orang penyertaan dalam kalangan warga UMP yang melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan banjir akibat bencana yang menimpa di beberapa negeri di Pantai Timur.

Sukarelawan UMP dan IKWAM serah sumbangan kepada mangsa banjir



50 sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) termasuk dari Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Institut Kemajuan Wanita Malaysia (IKWAM) menyerahkan sumbangan bantuan banjir berbentuk 500 set tilam, bantal dan selimut dalam kalangan mangsa banjir sekitar Lepar, Permatang Badak dan Bukit Rangin.

Majlis penyerahan telah disampaikan oleh Pengerusi IKWAM, Dato' Sri Dr. Siti Zaharah Sulaiman dalam program Titian kasih Fasa Pertama yang diadakan di Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP), Permatang Badak Kuantan pada 24 Januari 2015 yang lalu.

Menurut beliau, IKWAM menyasarkan penghantaran bantuan ke kawasan di bawah kategori yang berisiko tinggi di samping memberikan informasi mengenai kesihatan dan keselamatan serta informasi pencegahan awal yang perlu diambil apabila tanda-tanda banjir akan melanda.

"Aktiviti IKWAM tidak semestinya memfokuskan terhadap kaum wanita sahaja tetapi turut melibatkan masyarakat umum Malaysia. Begitu juga dengan pengendalian selepas banjir, bagaimana mengurus psikologi dan trauma yang dihadapi mangsa banjir melalui aktiviti yang dilaksanakan pihak sukarelawan," katanya.

Malahan di atas kesedaran ini, Dato' Sri Dr. Siti Zaharah berkata, IKWAM

memperkenalkan Program Integrasi Jaringan Pemudah Cara (INJAP) untuk membantu keluarga-keluarga isi rumah.

Pihaknya juga berhasrat untuk bekerjasama dengan UMP dalam mengenal pasti kategori ke atas data-data mangsa, lokasi, keadaan rumah sama ada mengalami kemusnahan secara keseluruhan serta mengkaji tindakan susulan dan pemantauan selepas bantuan diberikan.

Katanya, melalui program INJAP ini diharapkan mampu menjana kegiatan yang proaktif dan positif agar bantuan yang disalurkan sampai kepada kumpulan sasar membantu mangsa-mangsa banjir bagi membolehkan mereka bangkit semula meneruskan kehidupan.

Beliau turut memuji sukarelawan UMP yang banyak membantu dalam usaha membantu menghulurkan sumbangan agar segala bantuan sampai kepada golongan sasar.

Penerima sumbangan, Kelesum Che Ali, 57 berkata, beliau menghargai pemberian kelengkapan ini dan lain-lain sumbangan yang diterima bagi meringankan bebanan mereka.

Beliau merupakan salah seorang daripada 500 penerima yang hadir menerima sumbangan daripada pihak UMP dan IKWAM.





UMP bantu komuniti Lipis dalam program operasi pascabanjir

Beberapa buah jabatan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) bergabung tenaga menghulurkan bantuan dengan memberi sumbangan berupa keperluan sejадah, telekung, kain pelikat, toto, keperluan pembersihan dan makanan untuk dihulurkan kepada 80 buah keluarga di Kampung Aur Gading, Kuala Lipis pada 16 Januari 2015 yang lalu.

Antara jabatan yang terlibat ialah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dan Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) hadir bertemu mangsa banjir yang kehilangan tempat berlindung di kampung tersebut. Turut terlibat Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Dalam program ini, PBMSK

menyumbangkan tiga buah komputer untuk kegunaan pelajar dan guru Sekolah Kebangsaan Aur Gading bagi menggantikan peralatan komputer yang rosak teruk akibat banjir yang melanda kampung itu baru-baru ini. Manakala Persatuan Matahari pula menyumbang keperluan 52 kelengkapan dan pakaian sekolah kepada semua pelajar sekolah ini.

Misi kesukarelawanan ini juga dihadiri oleh Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dr. Zularisham Ab Wahid. Hadir sama Penasihat Matahari, Datin Fazia Ali dan Presiden Matahari, Profesor Dr. Mimi Sakinah Abd Munaim.

Menurut Profesor Zularisham, kerja khidmat komuniti ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab korporat UMP dalam usaha untuk meringankan bebanan mangsa banjir di Kampung Aur Gading.

"Sumbangan yang disalurkan adalah berbentuk fizikal seperti menjalankan baik pulih kebersihan, dalam bentuk material seperti pemberian makanan, pakaian, kewangan dan berbentuk sokongan moral kepada mangsa banjir. Usaha ini dijalankan sebagai tanda keprihatinan dan kasih sayang masyarakat pendidik kepada penduduk kampung," katanya yang hadir bersama staf FKASA bagi membantu membaiki rumah penduduk yang rosak teruk.

Di samping itu juga, program sebegini diharapkan dapat memberi impak positif kepada UMP dalam memainkan peranan dalam membantu membentuk masyarakat

Malaysia yang lebih cakna dan progresif.

Sementara itu, menurut seorang penduduk, Zalmah Sani, 46 berkata, kehadiran UMP ini dapat merawat kesedihannya mengenangkan nasib setelah rumah yang didiami bersama enam anaknya termasuk ibunya musnah dihanyutkan arus deras sungai dalam kejadian banjir besar baru-baru ini.

Katanya, akibat kemasuhan rumah itu, beliau tidak dapat menyelamatkan apa-apa barang pun. Buat masa ini keluarga Zalmah tinggal di dalam garaj kereta yang telah ditambah baik dengan meletakkan zink sebagai dinding.

UMP dengan kerjasama UMP Innovest Sdn. Bhd. turut giat mengumpulkan sumbangan untuk misi kemanusiaan bersama meringankan bebanan mangsa banjir menerusi program Dana Wakaf Rumah Kontena sebagai alternatif dalam membina penempatan untuk mereka yang hilang tempat tinggal.

Program ini adalah sebahagian daripada usaha UMP dalam menjayakan misi operasi pasca banjir yang diselaraskan oleh Jawatankuasa Bertindak Pengurusan Bencana UMP.

Penubuhan Bilik Kawalan dan Operasi Banjir (BKOB) di UMP kampus Gambang dan Pekan sejak 24 Disember lalu sekali gus membantu dalam mengerakkan usaha membantu mangsa banjir bukan sahaja di Kuantan malahan melibatkan beberapa daerah lain termasuk Maran, Temerloh, Jerantut, dan Pekan serta di negeri Kelantan.

UMP hulur sumbangan bantu mangsa banjir dalam kalangan pengamal media



25 orang dalam kalangan pengamal media yang merupakan mangsa banjir dari daerah Kuantan, Maran, Temerloh dan Pekan menerima sumbangan bantuan kelengkapan pembersihan, selimut dan bekalan makanan sumbangan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Program yang berlangsung di Dewan Serba guna Radio Televisyen Malaysia (RTM) Pahang itu telah diadakan pada 28 Januari 2015 yang lalu.

Sumbangan diserahkan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diiringi Pengarah Penyiaran Negeri Pahang Radio & Televisyen Malaysia (RTM) Jabatan Penyiaran Kawasan Timur, Zubad Ibrahim dan Presiden Kelab Media Pahang, Nik Naizi Husin dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, dalam kesederhanaan majlis ini mengandungi makna yang mendalam dan tujuan yang ikhlas bagi menyampaikan sumbangan kepada rakan-rakan media yang ditimpas musibah bencana banjir baru-baru ini.

"Walaupun sumbangan ini tidak dapat mengatasi kemasuhan harta benda yang mangsa banjir lalui, namun diharapkan dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung," katanya.

Menyingkap kejadian bencana banjir yang melanda negeri Pahang pada 24 Disember tahun lalu banyak memberikan pengalaman kepada pihak universiti amnya dalam mengurus bencana seperti ini. Apatah lagi melibatkan beberapa daerah seperti di Kuantan, Pekan dan Maran yang mana berdekatan

dengan kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP).

UMP juga dilantik sebagai Sekretariat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Pascabanjir Negeri Pahang dan sebagai pusat penyelarasaran program kesukarelawanan IPT dengan kerjasama Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) menjayakan OPS Tumpat 1 dan OPS Tumpat 2.

Seramai 118 sukarelawan daripada Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas (PPTI) dan Kesatuan Staf Sokongan UMP (KESUMP) telah digerakkan bagi membersihkan tiga sekolah yang terjejas banjir iaitu di Sekolah Kebangsaan Telok Jering, Sekolah Kebangsaan Sungai Pinang dan Sekolah Kebangsaan Pulau Beluru di Kelantan.

Katanya, walaupun menghadapi sedikit kekangan berikutan tempoh minggu ulangkaji dan peperiksaan akhir, UMP masih mengambil inisiatif proaktif dalam membantu mangsa banjir sama ada pelajar, staf dan masyarakat setempat dengan mewujudkan Jawatankuasa Bertindak Bencana Banjir UMP yang beroperasi di kedua-dua kampus Gambang dan Pekan.

Beliau mengharapkan sedikit sumbangan ini dapat membantu dan meringankan beban mangsa banjir dan keluarga untuk terus tabah dalam membina kehidupan selepas ini seperti sedia kala apatah lagi kerjaya sebagai wartawan mahupun pengamal media yang banyak berkorban masa dan tenaga dalam usaha mendapatkan berita terkini untuk disampaikan kepada masyarakat tidak kira semasa ditimpas musibah dan sebagainya.

"UMP juga mengusahakan sebuah rumah penempatan sementara untuk mangsa banjir di Kampung Aur Gading Kuala Lipis yang dibina oleh staf Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) berbentuk pasang siap apabila rangka binaan dibuat di makmal UMP sebelum siap dipasang dalam tempoh lima hari," katanya.

Dato' Dr. Daing turut menghargai komitmen warga UMP yang telah berpadu menggembungkan tenaga menjalankan aktiviti kesukarelawanan bagi membantu pengurusan mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan serta operasi pascabanjir melibatkan bangunan kemudahan awam yang terjejas terutamanya sekolah, rumah orang tua, rumah anak yatim, masjid dan dewan orang ramai.

Sementara itu, Zubad dalam ucapannya, menghargai kesungguhan UMP dalam membantu mangsa banjir di negeri Pahang dalam kesibukan warga kerjanya memainkan peranan dalam mendidik anak bangsa di menara gading.

Begitu juga dengan Nik Naizi dalam ucapannya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas ingatan UMP dalam menghulurkan sumbangan kepada pihak pengamal media.

Menurut salah seorang penerima yang merupakan jurugambar akhbar Utusan, Mohd Zaki Jilan berkata, beliau berterima kasih dengan sumbangan ini.

"Jika sebelum ini pihak media sering membuat liputan mengenai banjir, namun pada hari ini kami pula yang menerima sumbangan banjir," ujarnya yang

tinggal di Sungai Isap," ujarnya.

Manakala rakannya Su Koli yang merupakan Wartawan Chine Press pula berkata beliau amat terharu dan berterima kasih dengan sumbangan ini.

"Kawasan rumah saya telah dinaiki air sebanyak tujuh kali pada tahun ini, namun memandangkan kedudukan rumah berhampiran sungai, banyak persediaan yang telah dibuat bagi mengelakkan kerosakan harta benda," katanya yang tinggal di rumah pusaka datuknya sejak lebih 30 tahun yang lalu.

Sehingga kini, seramai 8,676 orang sukarelawan yang telah berdaftar dan terlibat dalam operasi bantuan yang diselaraskan melalui Bilik Kawalan Operasi Bencana (BKOB) yang diwujudkan di UMP Pekan dan Gambang.

Malah melalui Jawatankuasa Bertindak Bencana Peringkat Universiti ini juga, UMP melancarkan beberapa program sebagai usaha menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir di negeri Pahang dan Pantai Timur antaranya program 1 Staf 1 Bantal yang dijalankan pihak Persatuan Wanita UMP (Matahari), 1 Maknum 1 Sejadah yang dilaksanakan menerusi Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas (PPTI) dan Dana Wakaf Rumah Kontena yang dijalankan UMP dengan kerjasama UMP Innovest Sdn. Bhd., yang merupakan anak syarikat UMP Holdings Sdn. Bhd.

80 dalam kalangan ketua biro dan pengamal media hadir melibatkan krew PahangFM, RTM, Utusan Melayu, Berita Harian, Bernama, Astro, TV3, New Straits Times, Metro, China Press dan Sin Chew Daily.



UMP agih sumbangan mangsa banjir Perkampungan Bukit Rangin

Misi kesukarelawanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) diteruskan dengan mengagihkan bantuan kepada 130 penduduk di perkampungan Bukit Rangin yang teruk dilanda banjir pada 3 Januari 2015 yang lalu.

Jelas terpancar kegembiraan di kalangan penduduk yang hadir bersama menerima sumbangan berbentuk makanan, peralatan mencuci dan selimut.

Hadir menyampaikan sumbangan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama Ahli Parlimen Kawasan Paya Besar, Dato Haji Abdul Manan Ismail dan ADUN Panching, Dato' Mohd. Zaili Haji Besar. Turut hadir Ketua Timbalan Pendaftar, Datin Fazia Ali yang juga penasihat Persatuan Wanita UMP (Matahari).

40 sukarelawan yang terdiri daripada pelajar dan warga kerja UMP turut sama turun padang membantu dalam menjayakan misi ini.

Dato Haji Abdul Manan dalam ucapannya menyeru penduduk kampung agar bersyukur dengan banyak bantuan yang diterima. Beliau juga berbangga dengan usaha UMP dan sukarelawan pelajar dan staf yang turut sama membantu meringankan beban penduduk.

Sementara itu, menurut Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, usaha membantu mangsa banjir ini digerakkan oleh Jawatankuasa Bertindak Bencana Peringkat Universiti (JBBP) dalam menyelaras aktiviti kesukarelawanan bagi membantu petugas dan agensi-agensi yang terlibat di pusat penempatan banjir termasuk menguruskan bekalan makanan, memasak dan membantu petugas di pusat penempatan banjir sekitar daerah Kuantan, Maran, Temerloh dan Pekan.

"Sungguhpun pelajar dalam waktu peperiksaan semester akhir namun atas dasar keprihatinan sukarelawan turun padang membantu sejak hari pertama banjir melanda Kuantan. Di antara penempatan ini termasuklah di SJKC Chung Ching, SMK Pandan, SJKC Taman Tas, SMK Tanah Putih, KKTMBatu 5, SMK Panglima Perang, SUKPA, Dewan JPS, Kemunting, Wisma Belia, IKBN dan di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Indera Mahkota serta sekitar Kuantan dan Pekan," katanya.

UMP juga menghantar sukarelawan bagi operasi pemulihan pasca banjir di SK Telok Jering dan SK Sungai Pinang manakala para alumni UMP juga menyumbang bakti dengan membersihkan Klinik Desa Paya

Pulai dan di Kampung Luit Maran.

Begitu juga usaha yang dibuat melibatkan Jawatankuasa Kebajikan dengan kerjasama Matahari dalam usaha mengumpulkan sumbangan makanan dan bekalan keperluan untuk diagihkan dengan mangsa banjir.

Tambah beliau, UMP juga terpanggil untuk sama-sama menjalankan penyelidikan di penempatan penduduk bagi menangani isu berkaitan banjir yang terpaksa diharungi penduduk saban tahun.

Katanya, besar harapan warga UMP agar sedikit bantuan dan sumbangan ini dapat meringankan beban yang ditanggung penduduk. UMP akan terus memainkan peranan agar kewujudannya dirasai dan usaha ini merupakan salah satu agenda dalam memasyarakatkan kampus melalui usaha kesukarelawanan dalam kalangan warganya.

Bagi penduduk Kampung Bukit Rangin, Aminah Ismail menghargai sumbangan yang diterima. Keperluan makanan, peralatan mencuci dan selimut ini sangat membantu beliau dan keluarganya.

Program berakhir dengan jamuan makan tengah hari yang dihadiri bersama 300 penduduk kampung.



PPTI serah sumbangan pascabanjir sempena Kempen 1 Makmum, 1 Sejadah

Oleh: JULIANA MOHD. ALI

Menyedari tanggungjawab sosial sebagai warga Malaysia yang prihatin, Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PPTI) Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 7 April 2014 yang lalu telah melancarkan kempen '1 Makmum, 1 Sejadah' dalam usaha membantu mangsa-mangsa banjir yang melanda beberapa negeri di Pantai Timur khususnya di negeri Pahang.

Bencana yang dianggap sebagai yang terbesar berbanding pada tahun 1971 ini juga telah memusnahkan sebahagian besar kawasan terutama di pesisir sungai seperti di daerah Pekan, Maran dan Temerloh.

Kempen yang bermula sejak pertengahan bulan Januari lalu mendapat sokongan yang cukup memberangsangkan terutamanya daripada Badan Kebajikan Staf Universiti (BKSU) serta melalui sumbangan daripada pihak luar sama ada berkumpulan mahupun individu dengan nilai sumbangan yang

terkumpul sebanyak RM 4,500.

Justeru, baru-baru ini berlangsungnya majlis penyerahan hasil sumbangan berupa keperluan solat seperti sejadah, kain sembahyang, naskhah Yaasin dan pelbagai keperluan lain.

Majlis menyaksikan acara penyampaian sumbangan disampaikan Pemangku Presiden PPT, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais kepada Ketua Sektor Pendidikan Islam, Yazit Kechik yang diadakan di Surau al-Falah, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPN).

Menurut Mohd Raizalhilmy, kempen yang dijalankan pihak PPTI ini merupakan salah satu usaha persatuan untuk membantu bagi meringankan mangsa-mangsa banjir khususnya di sekolah-sekolah yang dilanda banjir dan diharapkan sumbangan ini dapat disalurkan kepada pihak yang memerlukan di seluruh negeri Pahang.

"Kerjasama dan sokongan yang diterima

daripada JPN dalam menjayakan kempen ini juga merupakan satu inisiatif yang positif bagi mewujudkan hubungan kerjasama strategik antara UMP dan JPN pada masa akan datang," katanya.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah, Haji Ishak Othman, Penolong Pengarah GPI Menengah, Mohamed Danial Abu Samah, Penolong Pengarah Bantuan Institusi Pendidikan Agama, Khosenulhan Ab. Rahman dan Penolong Pengarah Pengurusan Syiar Islam, Wan Mohd Asri Wan Abdullah.

Manakala delegasi UMP terdiri daripada Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman, Timbalan Pendaftar merangkap Ketua Inisiatif Kempen 1 Makmum 1 Sejadah, Zainuddin Mat Husin, Jawatankuasa Eksekutif PPTI, al-Muhamim Ali dan Setiausaha Agung Jawatankuasa Eksekutif PPTI, Juliana Mohd Ali.



UMP, RTM Pahang bertemu komuniti Sungai Koyan dalam program Kembara

60 dalam kalangan mahasiswa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada Pejabat Naib Canselor dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta kakitangan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Pahang bertemu komuniti Felda Sungai Koyan 1, 2 dan 3 bagi menjayakan Program Kembara Pahang FM bersama UMP yang berlangsung selama tiga hari mulai 29 Mac 2015 yang lalu.

Program kerjasama ini bertujuan mendekati masyarakat melibatkan warga UMP bersama kakitangan RTM Pahang dan pengarjuran pada kali ini mendapat kerjasama daripada pihak Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan menjayakan pelbagai

aktiviti sepanjang berkampung di sana.

Antara yang diadakan ialah ceramah agama yang disampaikan Ustaz Mahmud Mat bertajuk ‘Cermin Diri’. Turut diadakan sukaneka, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan memasak, kem motivasi pelajar, melukis mural dan persebahan kebudayaan.

Majlis perasmian program disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan (ADUN) Jelai, Dato’ Sri Wan Rosdy Wan Ismail yang hadir dalam Malam Kebudayaan sempena Program Kembara Pahang FM bersama UMP yang diadakan di padang Sungai Koyan 3.

Majlis dihadiri Pengarah RTM Pahang, Zubad Ibrahim, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Ketua Bahagian Rancangan, Noor Asmihan Mansur.

Menurut Dato’ Sri Wan Rosdy, pihaknya berbesar hati menerima kunjungan mahasiswa universiti dan warga kerja UMP dan RTM yang sanggup datang jauh ke Sungai Koyan.

Beliau mengharapkan kunjungan ini tidak berakhir setakat ini sahaja malahan akan diteruskan dengan lain-lain program selepas ini untuk dimanfaatkan bersama masyarakat di sini.

Sementara itu, Abd. Rahman dalam ucapananya berkata, pelaksanaan program ini adalah manifestasi komitmen UMP untuk memasyarakatkan kewujudannya sebagai sebuah Universiti Awam (UA) agar kewujudannya dirasai, kehadirannya dapat dilihat dan suaranya didengari masyarakat.

“Program yang masuk kali kelapan ini juga menyasarkan empat segmen komuniti utama iaitu kanak-kanak, remaja, masyarakat, dan pendidikan. Program kali ini juga mendukung

tiga objektif utama iaitu memasyarakatkan kampus dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang memberi nilai tambah kepada komuniti, menyuburkan hubungan yang harmoni antara UMP dengan media dan masyarakat melalui perkongsian pintar dengan mempromosikan jenama UMP sebagai sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama,” katanya.

Bersempena dengan program ini, mahasiswa UMP berpeluang mengadakan kem motivasi kepada seramai 80 pelajar SMK Koyan yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Antara aktiviti yang diadakan adalah parachute egg experiment, launcher bola ping pong, ice breaking dan refreshment.

Bagi pengarah projek, Timbalan Yang di-Pertua MPP Gambang, Muhammad Adib Abid berkata, program ini mendapat respons dan komitmen yang baik daripada pelajar sekolah. Kebanyakan aktiviti adalah berunsurkan Sains dan Kejuruteraan sebagai contoh aktiviti parachute egg bertujuan melihat kepada kekuatan, masa dan struktur parachute yang dibina peserta.

Begitu juga dengan launcher bola ping pong membolehkan pelajar mengaitkan kadar pantulan bola dalam subjek Fizik yang dipelajari di sekolah. Selain itu, katanya ianya dapat mempromosikan UMP dalam kalangan pelajar sekolah bagi menjadikan universiti ini sebagai destinasi pengajian mereka nanti.

Masyarakat di sini juga dihiburkan dengan persebahan kebudayaan yang menampilkan dua artis terkenal, Nasser Wahab dan Syura diiringi Kombo RTM Pahang serta tarian kebudayaan UMP daripada Kumpulan Kencana Pawana.



Pusat Sukan UMP anjur Sukan Pantai dan Tasik

Oleh: NUR ADAM MAXIMILLIAN

Penganjuran Sukan Pantai dan Kayak Antara Fakulti Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2015 yang berlangsung pada 4 April 2015 yang lalu di Gelanggang Sukan Pantai dan Tasik UMP Kampus Pekan mendapat sambutan apabila seramai 432 pelajar UMP mengambil bahagian dalam sukan yang buat julung kalinya diadakan ini.

Kejohanan anjuran Pusat Sukan UMP ini mendapat kerjasama daripada Majlis Sukan Pelajar UMP menyaksikan lima acara sukan

dipertandingkan iaitu bola tampar pantai, bolasepak pantai, bola jaring pantai, sepak takraw pantai dan kayak.

Menurut Ketua Pusat Sukan, Mohd. Aznorizamin Ismail berkata, cuaca panas terik tidak menghalang semangat juang peserta dalam merebut kejuaraan dalam mengharumkan nama fakulti masing-masing di kejohanan sukan ini.

"Kejohanan ini juga merupakan inisiatif Pusat Sukan UMP bagi menyemarakkan aktiviti sukan bukan sahaja di Kampus Gambang malahan di Kampus Pekan," katanya.

Beliau berkata, kejohanan ini juga merupakan persediaan bagi pemilihan atlit UMP bagi menghadapi Kejohanan Sukan Pantai Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang bakal diadakan sekitar bulan Mei 2015 di Teluk Cempedak.

Kejohanan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusarie Zainuddin yang menyempurnakan kick off sebagai gimik acara

perasmian.

Johan keseluruhan Kejohanan Sukan Pantai disandang Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan membolot dua emas, satu perak, satu gangsa dan bagi permainan kayak antara fakulti dimenangi oleh Fakulti Pengurusan Industri (FPI) dengan memperoleh tiga emas dan tiga perak.





Khidmat masyarakat PTMK bantu pembelajaran Kelas KAFA

Oleh: RAJA ALLEN JORDAN IZZUDDIN SHAH RAJA BAHRUDIN

Staf Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) Universiti Malaysia Pahang (UMP) bergabung tenaga dengan penduduk Taman Seri Mahkota menjayakan aktiviti khidmat masyarakat di perkampungan taman tersebut pada 10 April 2015 yang lalu.

Dalam program ini, staf PTMK bersama penduduk berpeluang bersama-sama bergotong-royong membersihkan dan menceriakan surau dan Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA).

Program dihadiri Pemangku Pengarah PTMK, Roslan Awang Abdul Rahman. Hadir sama Pengurus Surau Taman Seri Mahkota, Nordin Abd Rasid bersama ahli jawatankuasa surau, guru-guru KAFA serta penduduk setempat.

Turut berlangsung penyampaian kelengkapan alatan siaraya dan audio visual hasil sumbangan yang berjaya dikumpul pihak PTMK untuk digunakan bagi aktiviti keagamaan di taman ini.

Menurut Roslan, sumbangan peralatan ini juga dapat membantu melancarkan proses pembelajaran kelas KAFA.

"Kerja pemasangan alatan dilakukan staf di jabatan ini di kedua-dua lokasi.

"Aktiviti khidmat komuniti ini merupakan salah satu tanggungjawab korporat (CSR) jabatan ini memandangkan mereka mempunyai tenaga yang berkepakaran dalam



bidang teknikal yang dapat dikongsikan dengan masyarakat umum.

"Selain itu, ianya dapat meningkatkan motivasi dan mengeratkan hubungan dalam kalangan staf PTMK dengan masyarakat setempat," katanya.

Beliau juga menyatakan harapan aktiviti khidmat komuniti sebegini dapat diteruskan kerana dapat memberi impak positif kepada UMP dalam memainkan peranan dalam membantu membentuk masyarakat Malaysia yang lebih cakna dan progresif serta merealisasikan agenda penjenamaan universiti.





Warga UMP sambut Maulidur Rasul

Hampir seribu warga Universiti Malaysia PAhang (UMP) berarak berselawat memuji keperibadian Rasullullah S.A.W sempena sambutan Majlis Maulidur Rasul tahun 1436H bertempat di UMP Kampus Gambang pada 21 Januari 2015 yang lalu.

Perarakan diketuai oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diiringi pengurusan tertinggi bersama 20 kontingen dari pelbagai jabatan dan fakulti di UMP serta pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Anwarul Tanzil al-Thmaniah yang berarak sejauh 1.2 kilometer bermula dari Masjid UMP ke Kompleks Sukan UMP.

Turut sama berarak Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusarie Zainuddin, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, perhimpunan ini merupakan manifestasi kecintaan kita kepada Nabi

Muhammad S.A.W di samping menunjukkan komitmen dalam menjunjung kesepadan dan kesatuan umat Islam bagi mempertahankan agama yang suci ini.

"Sambutan pada hari ini turut berlangsung dalam suasana negara dan umat Islam masih berduka dengan musibah banjir yang melanda beberapa negeri baru-baru ini.

"Ia merupakan satu ujian besar buat mangsa-mangsa yang terlibat malahan di pihak UMP turut membantu dalam menyelaras bantuan sukarelawan dan kemanusiaan kepada mereka.

"Pada masa yang sama, umat Islam di seluruh negara turut diuji dengan peristiwa penghinaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W Insiden Charlie Hebdo di Perancis baru-baru ini merupakan satu pengajaran besar kepada dunia.

"Namun ujian yang datang ini merupakan peringatan daripada Allah s.w.t untuk kita lebih cakna terhadap perjuangan memelihara kesucian Islam dengan penuh kesederhanaan," katanya.

Dengan tema 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara,' perkataan transformasi ini tidak hanya merujuk kepada perubahan pembangunan fizikal, tetapi juga penghijrahan diri kita untuk menjadi individu yang lebih baik dan warganegara yang lebih bertanggungjawab.

Justeru, perpaduan adalah landasan kekuatan umat Islam untuk menghadapi pelbagai cabaran yang ada pada hari ini.

Kestabilan negara Malaysia yang tercinta ini turut bergantung kepada perpaduan umat Islam. Sekiranya perbalahan sesama umat Islam itu berterusan tanpa kesudahan, mana mungkin kesucian agama kita akan dihormati oleh penganut agama yang lain.

Realiti ini seharusnya membuka mata, minda dan jiwa kita untuk menginsafi bahawa masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan bagi memperkasa kedudukan Islam di negara ini.

Katanya, kita selaku umat Nabi Muhammad S.A.W, wajarnya kita mengenang perjuangan baginda dalam menyebarkan dakwah Islam ke seluruh alam. Hasil perjuangan tersebut, yang disertai dengan pengorbanan sahabat-sahabat baginda, maka kita dapat mencapai nikmat iman dan Islam pada hari ini.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Zikir dari kumpulan nasyid UNIC dan ceramah yang disampaikan oleh pendakwah bebas, Ustaz Syed Abdul Kadir al-Jofree. Turut dimeriahkan dengan penyampaian hadiah sempena pertandingan perbarisan dan sepanduk terbaik.

Pemenang tempat pertama diterima kontingen Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Harta (JPPH), tempat kedua kontinen Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan ketiga kontinen dari Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA).

Turut menang kontingen Jabatan Canseleri, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pejabat Penyelidikan dan Inovasi serta gabungan staf dari Pusat Keusahawanan, Pusat Kesihatan Pelajar, dan Pusat Sukan.



60 peserta kayuhan berbasikal berkunjung ke UMP Kampus Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan seramai 60 pelajar daripada SMK Tengku Abdullah Pekan dan warga kerja Perpustakaan Awam Daerah (PAD) Pekan yang hadir dengan berbasikal yang berkayuh sejauh 20 km dari PAD Pekan menuju ke UMP Kampus Pekan pada 30 Mac 2015 yang lalu.

Hadir menyambut ketibaan rombongan adalah Ketua Pustakawan UMP, Haji Ruslan Che Pee bersama staf Perpustakaan UMP.

Ketua PAD Pekan, Rohaida Zainudin berkata, program ini dapat memberikan peluang kepada anggota masyarakat terutamanya belia untuk turut serta dalam program penganjuran pihak Perpustakaan Awam.

"Program kayuhan ini adalah merupakan satu usaha untuk memperluaskan fungsi perpustakaan sebagai institusi masyarakat yang utama selain mendekatkan belia dengan perpustakaan yang bukan sahaja datang untuk meminjam buku," katanya.

Menurut Rohaida, pihak PAD Pekan akan terus menjalankan program melibatkan generasi muda di samping itu, ia menjadikan riadah berbasikal sebagai salah satu aktiviti ibadah dalam menjaga kesihatan supaya setiap individu akan sentiasa sihat dan segar.

Pihaknya menghargai kerjasama pihak UMP yang sedia bekerjasama dalam menjayakan program selain mendapat sokongan daripada pihak Polis Diraja Malaysia daerah Pekan, Majlis Daerah Pekan dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi Haji Ruslan, pihaknya berbesar hati menerima kunjungan daripada pihak PAD Pekan dan menyokong usaha sebegini dalam mendidik anak-anak muda untuk mengenali fungsi dan peranan perpustakaan.

"Bersempena dengan program ini, peserta berpeluang mendengar taklimat kemasukan, melawat perpustakaan dan sekitar kampus serta lebih menarik diadakan pertandingan mencari buku yang dianjurkan pihak Perpustakaan UMP," ujar beliau.

Sementara itu, seorang peserta dari SMK Tengku Abdullah yang turut menang dalam pertandingan mencari buku, Abdullah Jaffri, berkata beliau rasa sangat gembira dan teruja untuk berkayuh walaupun terpaksa berdepan dengan halangan hujan lebat sewaktu peringkat awal kayuhan.

Begitu juga dengan rakannya, Muhamad Javad Hussain Ab Halim,¹⁷ dari Ketapang Tengah berpendapat program ini bukan sahaja sebagai amalan gaya hidup sihat namun memberikannya pengalaman

berkayuh dengan jarak yang jauh serta dalam kumpulan yang besar apatah lagi menuju ke kampus universiti.

Program diserikan dengan kehadiran Penghulu Mukim Kuala Pahang, Hasan Muhammad Syukur dalam majlis penutup program yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan.





UMP anjur Dialog Perundangan Amalan Sihir

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menganjurkan dialog berkaitan Perundangan Amalan Sihir.

Program yang dihadiri lebih 100 pegawai dari institusi agama, bahagian perundangan, institusi pentadbiran awam, pengamal perubatan Islam dan pelajar pascasiswazah itu telah diadakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi pada 27 April 2015 yang lalu.

Slot pertama bertajuk `Amalan Sihir dari Sudut Perundangan' telah dibincangkan tiga panel yang terdiri daripada Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Dr. Mahyuddin Ismail, Ketua Penolong Pengarah (Kanan) Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia, Dr. Aidatul Azura Abd Rani dan Presiden, Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Tuan Musa Awang.

Dialog sesi kedua membincangkan `Pengaruh Amalan Sihir sebagai satu Kesalahan' dengan barisan panelnya Tuan Abbas Noodin (dari mana) Profesor Madya Dr. Abdul Rani Kamaruddin dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sabah, Tuan Sakaria Semela.

Manakala sesi dialog ketiga dengan tajuk `Penguatkuasaan & Keterangan terhadap Penyihir' pula melibatkan barisan panelnya Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Tuan Zamri Kambari, Dr. Zulfakar Ramlee, Penolong Profesor UIAM dan Tuan Amidon Anan iaitu Mantan Ketua CSI, Makmal Forensik PDRM Bukit Aman. Hadir sama Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang, Yang Arif Dato' Haji Abdul Rahman Yunos.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustafa dan dalam ucapannya beliau mengharapkan semoga usaha murni ini akan dapat membantu memantapkan lagi sistem perundangan negara kita dalam usaha membanteras jenayah sihir.

“Ilmu dan amalan sihir bukan sahaja diperangi oleh Islam, malah agama lain turut mengutuk dan menghukum pengamal yang terlibat.

“Ramai raja dan pemerintah ketika zaman gelap Eropah membantah penggunaan sihir dalam masyarakat dengan memperkenalkan undang-undang untuk menghukum ahli sihir,” katanya.

Justeru, apabila pihak UMP mencadangkan kepada pihak JAKIM mengenai kajian ini, JAKIM amat terbuka untuk bekerjasama dalam menjayakan kajian ini dengan menubuhkan satu jawatankuasa kajian undang-undang sihir yang dipengerusikan secara bersama oleh Penasihat Undang-Undang JAKIM dan juga penyelidik dari UMP.

Tambah beliau, kajian yang dilakukan ini adalah merupakan satu usaha yang baik dan wajar untuk dilaksanakan. Transformasi dalam perundangan syariah bagi menyelesaikan isu jenayah sihir yang tertunggak perlu dilakukan.

Datuk Othman berkata, pihaknya akan meneliti buku penyelidikan setebal 120 muka surat sebelum membawa ke peringkat lebih tinggi seperti pejabat peguam negara.

“Malahan jika panel jawatankuasa ini dapat memberikan mekanisma pembuktian sihir di mahkamah, JAKIM tiada masalah membawa perkara ini ke peringkat tertinggi,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Jaringan dan Industri (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yakob berkata, walaupun UMP sebuah universiti yang berfokus kepada bidang kejuruteraan namun tetap memberi ruang kepada penyelidik untuk berkarya dan menjalankan kajian ilmiah sama ada dalam bidang Sains atau Kemanusiaan.

Beliau yang hadir membacakan teks ucapan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program ini membuktikan komitmen penyelidik melalui program pemindahan ilmu dan kepakaran kaedah pembuktian dan keterangan jenayah sihir untuk pengurbal, pendakwa raya dan penguatkuasa undang-undang Malaysia yang mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan dengan melibatkan 39 panel pakar mewakili pelbagai disiplin.

Kajian ini telah dijalankan dengan teliti dan komprehensif berdasarkan disiplin dan kaedah ilmiah. Dalam kajian bersama pihak JAKIM ini berperanan sebagai pemudah cara bagi perlaksanaan Kajian Undang-undang Sihir oleh kumpulan penyelidik yang diketuai oleh pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Mahyuddin Ismail yang juga Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).



MLCC anjur Pertandingan Bertutur Bahasa Mandarin

Oleh: YONG YING MEI

28 orang peserta telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Bertutur Bahasa Mandarin anjuran Mandarin Language and Culture Centre (MLCC), Kelab Bahasa Mandarin dan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) di Teater Mini UMP

Kampus Gambang pada 15 April 2015 yang lalu.

Dengan bertemakan ‘Budaya Cina dan Saya’ semua peserta berjaya menunjukkan bakat menyampaikan ucapan awam dalam tempoh 90 saat yang diberikan.

Dalam pertandingan ini, seramai lima orang peserta dipilih sebagai pemenang berpeluang mewakili Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam pertandingan bertutur Bahasa Mandarin di Pertandingan ‘Chinese Bridge’ Peringkat Malaysia yang diadakan di Institut Kong Zi, Universiti Malaya pada Mei 2015. Pertandingan “Chinese Bridge” dianjurkan oleh Institut Kongzi, Universiti Malaya (UM) dan ditaja oleh Hanban, China serta Kedutaan China di Malaysia.

Johan pertandingan adalah Tharushini a/p Thiagarajan dengan tajuk ‘Pesta Tanglung’. Tempat kedua milik Siti Noor Aisyah Muhammad Noor dengan tajuk ‘Tahun Baharu Cina’ dan tempat ketiga Nur Anis Nazzatul Natasha Ishak dengan tajuk ‘Perjalanan ke Barat-West-Sun Kung’. Sementara itu, Wahyu Nur Susianna Omar dan Sharmila a/p Sewajje menang hadiah sugu hati.

Pengarah MLCC, Chong Ah Kow berkata, Pertandingan ‘Chinese Bridge’ merupakan pertandingan bertutur bahasa Mandarin dalam kalangan calon bukan Cina.

“Terdapat ramai lagi pelajar yang masih mengikuti kursus Mandarin di UMP menyertai pertandingan ini. Lebih membanggakan terdapat juga pelajar Jerman kini sedang mengikuti kursus *Mandarin for Beginners* juga mengambil bahagian dalam pertandingan ini,” katanya.

Beliau turut berbangga dengan komitmen semua jawatankuasa pertandingan khasnya mereka yang menjadi mentor kepada peserta bukan Cina dalam berlatih ucapan Mandarin.

Bagi Nikolas Weber, beliau menyifatkan program ini menarik dan merupakan peluang bagi mengukur kebolehan diri dan memperoleh pengalaman sebagai pelajar tahun akhir di semester ketujuh. Malahan dirinya menjadi tumpuan ramai kerana merupakan pelajar asing tunggal yang menyertai pertandingan ini.

Sementara itu, Tharushini juga berjaya menarik perhatian juri dengan kepetahan, ketepatan intonasi, kelancaran percakapan, gaya serta menggunakan alat bantuan yang sesuai dengan tajuk yang disampaikan.

Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Ketua Program Jabatan Bahasa Asing, Dr .Aini Ahmad. Majlis turut dihadiri Guru Bahasa Kanan, PBMSK, Yong Ying Mei dan Pengarah Pertandingan, Lee Soon Poh yang merupakan pelajar Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).



Kelab In-Smartive UMP bimbang calon UPSR SK Wira

Berita dan foto oleh: ASRAF AHMAD dan NOR 'AISYATUL SAKINAH BAHRUDIN

41 orang fasilitator mahasiswa daripada Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjayakan Kem Pembentapan Jati Diri & Kerohanian kelolaan Sekolah Kebangsaan (SK) Wira Panching melibatkan 180 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)

pada 13 Mac 2015 yang lalu.

Pengurus Projek, Nur Afiqah Turidi, 21, berkata kepercayaan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAffAD) UMP memilih Kelab In-Smartive untuk mengetuai inisiatif ini mencabar fasilitator untuk mereka bentuk modul, konsep dan pendekatan baharu dengan bijaksana bagi memenuhi hasrat pihak sekolah.

Dalam memastikan program mencapai objektif, beberapa modul yang sesuai dilaksanakan antaranya ialah Tak Kenal Maka Tak Cinta, Kapal Karam, *Cheers War*, *Last Man Standing*, *The Burj*, Sayang Si Buta, *Timeline* dan *Jet Impian*.

"Training of Trainers (ToT) telah dijalankan sebelum program dijalankan bagi memastikan modul tersebut bersesuaian dengan keperluan peserta dan kehendak pihak sekolah apatah lagi SK Wira ini baru sahaja mendapat penarafan sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)", ujar Afiqah yang juga merupakan mahasiswa tahun pertama di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).

Pihaknya berpuas hati dengan komitmen yang diterima daripada pihak sekolah dan peserta yang memberikan kerjasama yang baik dalam memastikan program berjalan lancar. Hadir merasmikan penutupan program ialah Guru Besar SK Wira, Datin Nooraziza Sabarudin yang turut menzahirkan

penghargaan terhadap komitmen UMP untuk bekerjasama dengan pihaknya dalam konteks pembangunan akademik dan sahsiah pelajar seperti kem ini.

Hadir sama dalam program ialah Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Maimon Yusof, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Noor Zaitun Izam Md Tahir, dan Ketua Penyelidik kepada Naib Canselor yang juga Penasihat In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.





Baraqah Beggars raih kemenangan

Berita dan foto oleh: NOOR AFIZA MOHD ASMI

Kumpulan nasyid Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dikenali dengan nama Baraqah Beggers terus meraih kemenangan apabila dinobarkan tempat kedua dalam Pertandingan Nasyid antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Daerah Kuantan 2015 yang berlangsung di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan pada 7 Mac 2015 yang lalu.

Kumpulan Baraqah Beggers yang dikelolakan Sekretariat Kebudayaan & Kesenian UMP Pekan tampil dengan dua buah lagu yang mana lagu pertama ciptaan penyanyi terkenal Maher Zain bertajuk 'Insya Allah' berentak Arab moden dan lagu kedua ciptaan sepenuhnya alummni penyanyi nasyid UMP bertajuk 'Alpa' yang bertemakan nasyid moden kontemporari.

Baraqah Beggers membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak tiga ratus ringgit, hamper dan piala iringan. Manakala johan pertandingan dimenangi oleh Kumpulan Kolej Antarabangsa IKIP dan tempat ketiga dimenangi oleh tuan rumah sendiri iaitu kumpulan nasyid dari POLISAS.

Bagi Pegawai Kebudayaan, Unit Budaya dan Seni Kreatif, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMP Kampus Pekan, Noor Afiza Mohd Asmi selaku penasihat kumpulan ini berkata, adalah bukan mudah bagi kumpulan ini untuk meraih kejayaan apabila berhadapan dengan pelbagai dugaan semasa sesi latihan ditambah dengan kesuntukan masa yang mereka

hadapi dalam mempersiapkan diri untuk menyertai pertandingan ini.

Beliau turut berpuashati dengan komitmen yang tinggi dalam kalangan ahli kumpulan. Begitu juga dengan sokongan yang diterima pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAffAD) terutamanya dalam kalangan staf Unit Budaya dan Seni Kreatif.

Sementara itu, mahasiswa tahun satu dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Mohd Amirul Hilmi Mohd Hanoin menyifatkan penglibatan mereka dalam pertandingan ini merupakan cabaran yang mampu mengukur sejauh mana keupayaan Baraqah Beggers dalam mengimbangkan diri dalam aktiviti dan akademik.

Beliau berharap kejayaan kali ini mencetus semangat mereka untuk Festival Nasyid MAKUM yang bakal diadakan tidak lama lagi.





FTeK anjur bengkel penyelenggaraan enjin bot bantu nelayan

Berita dan foto oleh:

NURUL NADIA NOR HAMRAN
WAN NUR A'IN MOHD KAMAL IBRAHIM
DAN NORHIDAYATUL AKMAL AZAHAR

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan Bengkel Perkhidmatan Servis Enjin Bot Nelayan sebagai usaha membantu nelayan meningkatkan kemahiran dalam penyelenggaraan enjin bot mereka.

Program yang berlangsung di Kompleks Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Pahang pada 14 Mac 2015 yang lalu itu mendapat kerjasama Persatuan Nelayan Kawasan Pekan (PNKP).

Mereka turut membantu dalam menyelaras program termasuk penyediaan lokasi dan penyertaan dalam kalangan nelayan sekitar Kuala Pahang.

Penganjuran ini turut melibatkan seramai 18 orang mahasiswa FTeK yang hadir menjayakan program.

Hadir sama tenaga pengajar dari GIAT MARA Tanjung Piai, Johor iaitu Mohd Fadli Baharudin yang bertugas di Jabatan Penyelenggaraan Enjin Marin. Beliau banyak berkongsi kemahiran dalam menangani masalah teknikal berkaitan enjin bot.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Pekan, Jali Ismail berkata, beliau amat berbangga dan berterima kasih atas bantuan yang disalurkan dan penganjuran program oleh fakulti ini.

"Enjin bot ini sangat penting kepada nelayan kerana ianya digunakan bagi menangkap hasil tangkapan laut yang merupakan punca mata pencarian mereka. Akibat kekangan kewangan, penyelenggaraan enjin tidak dapat dilakukan dengan kerap dan berjadual," katanya.

Sementara itu, mahasiswa FTeK daripada program pembuatan, Ahmad Asnawi Nasir melahirkan rasa syukur kerana dapat menyertai program ini yang bukan sahaja berpeluang mendekati komuniti setempat malahan dapat menimba pengalaman tentang kemahiran penyelenggaraan bot.

Selain berkhidmat kepada masyarakat, program seperti ini juga memberi faedah dan nilai tambah kepada mahasiswa.



600 sertai Larian Amal Penyayang 2.0



Lebih 600 peserta dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama-sama dengan anak-anak yatim mengambil bahagian dalam program Larian Amal Penyayang 2.0 di sekitar kampus UMP Kampus Pekan pada 18 April 2015 yang lalu.

Lebih menarik program turut disertai dua orang personaliti artis jemputan iaitu Norman Hakim dan Fida Ibrahim yang sama hadir memeriahkan program.

Selain bertujuan mengumpul dana untuk disumbangkan kepada rumah kebajikan dan anak yatim, program anjuran Kelab Penyayang itu bertujuan mendekati dan bermesra dengan anak-anak yatim dari Rumah Anak Yatim Permata Camar, Permata Insyirah dan Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang.

Pengarah Program, Nur Najmi Nazihah Che Razali berkata, program ini merupakan penganjuran kali kedua melibatkan mahasiswa UMP bersama anak-anak yatim.

Selain larian aktiviti yang diadakan adalah pertandingan mewarna dan Forum Gaya Hidup Sihat bersama selebriti.

"Forum ini memberi peluang kepada mahasiswa dan anak-anak yatim bertemu dengan selebriti untuk membicarakan tentang amalan budaya hidup sihat.

"Ia termasuklah sikap bijak membahagikan masa untuk tampil sihat, cergas dan merencana masa depan untuk

berjaya dalam kehidupan," katanya.

Gabungan mantap dua artis ini juga membuatkan pelajar tidak kering gusi mendengar perkongsian celoteh mengenai penjagaan kesihatan dan budaya hidup sihat.

Kedua-dua mereka turut berkongsi aktiviti dan jadual untuk sentiasa tampil cergas dan sihat dengan amalan beriadah bagi membolehkan mereka menjalankan rutin seharian yang agak padat.

Majlis perasmian penutup diserikan dengan kehadiran Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Haji Safie yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang larian amal dan pertandingan mewarna kepada adik-adik dari rumah anak yatim tersebut. Hadir sama Penasihat Kelab Penyayang, Rozana Shahadan.

Abd Rahman dalam ucapannya memuji inisiatif mahasiswa yang berjaya menganjurkan program ini dan mengharapkan dapat menjadikan sebagai program tahunan dan dapat dilaksanakan dengan impak yang lebih besar serta melibatkan lebih ramai penyertaan.

"Penganjuran program ini merupakan sebahagian usaha menyemai budaya prihatin dalam kalangan mahasiswa UMP untuk mendekatkan diri dengan masyarakat dan golongan kurang bernasib baik malahan usaha ini dilihat sebagai menyahut seruan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing

Nasir Ibrahim yang memberi penekanan terhadap amalan gaya hidup sihat.

Selain itu, inisiatif penganjuran ini program ini juga selari dengan hasrat universiti dalam mempergiatkan usaha bersama komuniti.

Dalam program ini juga sebanyak seribu lima ratus ringgit berjaya dikumpul hasil sumbangan mahasiswa UMP telah diserahkan kepada ketiga-tiga rumah anak yatim tersebut.





Mahasiswa bimbang pemimpin pelajar

Berita dan foto oleh: NOR 'AISYATUL SAKINAH BAHRUDIN

31 orang fasilitator mahasiswa daripada Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya memberikan semangat baharu kepada 100 pemimpin pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Tengku, Kuala Lipis dalam Kem Interaksi Pemimpin Muda (In-Team) pada 8 Mac 2015 yang lalu.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini menguji ketahanan mental dan fizikal dalam kalangan peserta melibatkan pengawas sekolah, pengawas asrama, Pembimbing Rakan Sebaya dan ketua tingkatan melalui

pelbagai modul yang direka bentuk khusus berdasarkan keperluan dan iklim semasa sekolah.

Berbeza dengan siri pertama pengajurannya pada tahun lalu, tumpuan utama In-Team kali ini adalah terhadap pemupukan sifat berdikari dan berani bertanggungjawab dalam konteks kepimpinan pelajar di sekolah.

Mengulas tentang fokus pengisian In-Team, Pengurus Projek, Madyasir Ahmad Basir, 20, menyatakan bahawa penggubalan modul baharu yang berbeza sepenuhnya daripada modul lepas dan kini ia agak mencabar.

"Hampir separuh daripada bilangan peserta kali ini telah pun mengikuti siri pertama In-Team pada tahun lepas, justeru, kami perlu bijaksana menyusun modul supaya tidak berlaku pengulangan yang mungkin mengurangkan keberkesanannya pengisian", tambah Madyasir yang juga merupakan mahasiswa tahun pertama di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).

Bagi peserta program, Wan Akmal Aiman Wan Mohd Rizal, 13, sama sekali tidak menyangka namanya diumumkan sebagai Peserta Lelaki Terbaik memandangkan beliau merupakan peserta tunggal daripada tingkatan 1 dalam kem ini.

Katanya, walaupun berseorangan, pengisian sepanjang In-Team telah memberikan keyakinan yang tinggi kepadanya untuk menjadi pemimpin yang efektif, khususnya dalam aspek pengucapan awam.

Manakala bagi Pelajar Tingkatan 5 yang diumumkan sebagai Peserta Terbaik Perempuan, Siti Norehan Mohamad, 17, walaupun telah mengikuti kem sama kelolaan In-Smartive pada tahun lalu, namun beliau tetap mempelajari ilmu, kemahiran dan banyak pengalaman baharu.

Hadir merasmikan majlis penutup In-Team ialah Naib Pengurus Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) SMK Padang Tengku, Shamsudin Idris.

Beliau turut menzahirkan penghargaan terhadap komitmen UMP untuk bekerjasama dengan pihak sekolah. Malahan beliau turut mengharapkan agar kolaborasi ini dapat terus dikembangkan secara konsisten, khususnya dalam aspek pembangunan jati diri pelajar.

Turut hadir bersama ialah Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Mohd Rosli Awang Besar, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Harinawati Hussain, Ketua Penyelidik Naib Canselor yang juga Penasihat In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden In-Smartive, Ahmad Zarif Ahmad Fauzi.



50 fasilitator curah bakti di Kuala Berang

Oleh: ASRAF AHMAD dan NOR 'AISYATUL SAKINAH BAHRUDIN



50 fasilitator mahasiswa dari Kelab In-Smartive, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan program gerak sukarelawan serentak melibatkan dua sekolah iaitu SMK Menerong dan SK FELDA Mengkawang, Kuala Berang, Terengganu pada 12 April 2015 yang lalu.

Program ini disertai seramai 100 pemimpin pelajar yang terdiri daripada Pengawas Sekolah, Pengawas Pusat Sumber, Pengawas Asrama dan Exco Unit Beruniform menjayakan Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) yang dijayakan oleh 30 fasilitator Kelab In-Smartive.

Menurut Pengurus Projek, Mohamad Wafiq Taufik, 20, yang juga merupakan mahasiswa tahun pertama, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), tumpuan modul IN-TEAM

di sekolah ini ialah penghayatan falsafah ‘Satu Untuk Semua, Semua Untuk Satu’ dan ‘Akal Mendahului Emosi’ melalui modul khas seperti D.I.C.E, Work it Out, Cheers War dan The Burj.

Hadir menyempurnakan perasmian penutup IN-TEAM ialah Pengetua SMK Menerong, Hajah Kamariah Mamat yang turut berharap kerjasama pintar dengan UMP ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

Beliau turut menyampaikan Anugerah Peserta Terbaik kepada pelajar tingkatan empat, Muhammad Shahrin Suriyadi, 16 dan pelajar tingkatan lima Nur Izazi Aziz, 17.

Sementara itu, di SK FELDA Mengkawang pula, seramai 20 fasilitator In-Smartive berganding bahu dalam

Bagi Pengurus Projek,

Muhamad Khairi Mezah, 22, dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), pengisian program direka bentuk berkonsepkan motivasi akademik menggunakan modul seperti Pencetak Buruk, Story Behind the Paper dan Chopp!

“Selain itu, para fasilitator juga ditempatkan bersama keluarga angkat bagi mengeratkan silaturahim dengan komuniti setempat. Pengalaman ini pastinya menjadi kenangan bagi mahasiswa selain dapat memperkenalkan universiti kepada masyarakat umum,” tambah beliau lagi.

Sementara itu, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Terengganu, Yusof Embong mengalau-alukan komitmen UMP dan menyatakan kesediaan pihaknya untuk memperkenalkan dan memperluaskan lebih

banyak sekolah di sekitar Hulu Terengganu untuk menerima manfaat daripada inisiatif universiti komuniti ini.

Para fasilitator kedua-dua projek serentak ini seterusnya telah diraikan dalam satu majlis yang diadakan di Pejabat Pengurusan Rancangan FELDA Mengkawang.

Hadir sama dalam majlis Pegawai Khas bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Ajil, Abdullah Abdul Rahman. Turut hadir ialah Guru Besar SK Felda Mengkawang, Subiyamin Sulaiman, Pengurus Rancangan FELDA Mengkawang, Alias Mat, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Mekan Tahir dan Penolong Pendaftar, Pejabat Naib Canselor, Mohd Jamil Mohd Ja'afar mewakili Penasihat In-Smartive.



Warga kampus semarakkan Festival Bayu Kenyalang 3.0

Festival Bayu Kenyalang UMP 2015 anjuran Sekretariat Mahasiswa Anak Sabah Sarawak (SMASS) yang dianjurkan untuk tahun yang ketiga ternyata berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan warga kampus termasuk pelajar antarabangsa dalam festival yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada 25 April 2015 yang lalu.

Kemeriahant festival diserikan dengan replika Jambatan Tampaluri yang dibina oleh SMASS daripada buluh dan diikat kemas serta diletakkan di tengah-tengah dewan sebagai simbolik menyambut kedatangan tetamu kehormat melalui jambatan menuju ke pentas utama.

Selain persembahan mahasiswa anak-anak Sabah dan Sarawak ini kelihatan begitu anggun berpakaian tradisional.

Pengarah Festival Bayu Kenyalang, Mohd Adhan Izmi Roslan berkata program ini memberi peluang mereka memperkenalkan budaya Borneo iaitu Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kepada orang ramai selain memperkenalkan adat dan kebudayaan Malaysia yang berbilang bangsa dan keturunan.

“Festival ini dapat mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara mahasiswa yang berbilang kaum serta mengeratkan hubungan antara pelajar pelbagai kaum dalam kalangan pelajar UMP,”

katanya.

Bagi Cecilia yang merupakan pelajar tahun ketiga jurusan Kejuruteraan Awam berasal dari Miri, Sarawak menyifatkan pengajuran kali ini amat membanggakan dan beliau berpuas hati dengan komitmen semua jawatankuasa. Dia yang bertindak sebagai AJK Dekorasi turut terlibat dalam persembahan tarian pada malam tersebut.

Program turut menampilkan artis jemputan iaitu Fiq Mentor dan Emma AF di acara kemuncak festival kali ini. Turut hadir Naib Canselor UMP, Professor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Professor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.



Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga ukir nama



Oleh: BADRUL NAIM ABIDIN

Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga Universiti Malaysia PAhang (UMP) berjaya mendapat tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai RM3,000 dalam pertandingan Dikir Barat Terbuka Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bertempat di Kompleks Kraf Jalan Conlay Kuala Lumpur pada 4 April 2015 yang lalu.

Tempat pertama dimenangi oleh Kumpulan Gemersik Alam yang membawa hadiah wang tunai RM7,000 diikuti tempat kedua oleh Kumpulan Dikir Hulu Balang Sultan Mizan dengan hadiah wang tunai RM5,000.

Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga UMP ini menampilkan dua orang penyanyi iaitu Tuan Fazzimy Tuan Din selaku Tok Juara dan Mohamad Fikri Abdul Gani selaku tukang karut.

Penyertaan kali ini berjaya menarik perhatian penonton dan juri bagi melayakkan kumpulan ke Peringkat Akhir.

Penasihat Dikir Barat UMP, Badrul Naim Abidin berkata, sebanyak 11 kumpulan menyertai pertandingan dikir barat terdiri daripada kumpulan dikir IKN, Warisan Seni Samudera, Seri Pantai Puri, Balong Mas, Kumpulan Dikir Hulu Balang Sultan Mizan, Seri Pusaka Apu, Tabuh Pendeta, Gemersik Alam, Warisan Sri Pujangga dan Dikir Bajet.

"Lima daripada yang layak ke Pentas Akhir adalah Warisan Sri Pujangga UMP, Warisan Seni Samudera (Batu Caves), Balong Mas (Presint 9 Putrajaya), Kumpulan Dikir Hulu Balang Sultan Mizan (IPC Dungun) dan Gemersik Alam (Petaling Jaya)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusarie Zainuddin melahirkan

rasa bangga dengan kejayaan kumpulan ini sungguhpun baharu ditubuhkan namun telah berjaya menempa nama di peringkat kebangsaan.

Katanya, kejayaan ini pastinya melibatkan komitmen semua pendikir UMP yang sentiasa bersemangat, berdisiplin, bekerjasama dan berusaha bagi mencapai sesuatu kejayaan dan kepuasan di dalam persembahan.

Kumpulan Warisan Sri Pujangga ini juga terlibat dalam beberapa persembahan antaranya menjayakan persembahan jemputan bagi siaran Karoot Komedia X siri keempat yang berlangsung di Studio Finas Hulu Klang dan bakal mengadakan persembahan inter budaya Malaysia-Indonesia serta membuat persiapan bagi menyertai Pertandingan Peringkat IPT yang akan diadakan pada 17 sehingga 19 April ini di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



Mahasiswa UMP jayakan Kem Interaksi Pemimpin Muda

Oleh: MOHAMAD AIZAT ZAKI

100 pemimpin pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) Keratong 1 dekat sini telah berjaya mengharungi cabaran modul latihan Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) kelolaan Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) selama tiga hari mulai 8 Februari 2015 yang lalu di Bandar Tun Razak Rompin, Pahang.

Seramai 28 mahasiswa UMP telah terlibat sebagai fasilitator dalam menjayakan pelaksanaan semua modul sepanjang kem ini yang disertai pengawas dan pengawas pusat sumber sekolah tersebut.

Inisiatif yang turut didukung oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP (SAFFAD) dan Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) SK (FELDA) Keratong 1 merupakan siri kedua kolaborasi yang telah dirintis sejak tahun lalu.

Menurut Pengurus Projek yang juga mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Siti Norhidayah Samsuri, 21, berbeza dengan pelaksanaan lazimnya di sekolah menengah dan prauniversiti, cabaran utama In-Team kali ini ialah untuk menyesuaikan kandungan modul latihan dengan tahap peserta yang berusia antara 10 hingga 12 tahun.

“Dengan panduan yang diberikan oleh pihak sekolah, kami telah membuat beberapa modifikasi kepada modul latihan supaya penyampaiannya lebih berkesan untuk diserap oleh kelompok peserta berusia 12 tahun ke bawah.

“Dengan menyeimbangkan pendekatan yang menekankan aspek

ketegasan dengan pengisian yang santai, para peserta telah dilatih untuk memiliki jati diri sebagai pemimpin muda yang menyayangi sekolah, keluarga dan negara melalui modul interaktif bersama fasilitator.

“Berbeza dengan program sebelum ini yang dilaksanakan sepenuhnya di sekolah, para fasilitator turut ditempatkan bersama keluarga peserta sebagai anak angkat bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengisian modul,” tambah beliau lagi.

Sambil mengakui bahawa daya keyakinannya sebagai pengawas semakin meningkat selepas mengikuti In-Team, pelajar tahun 6, Wan Mohammad Faiz Wan Kamarzaman, 12 yang juga peserta terbaik lelaki turut merasa lebih bersemangat untuk menuaikan tanggungjawab membantu guru di sekolah.

Bagi rakan beliau pula, Julia Aida Zulkiple, 12 yang diumumkan sebagai peserta perempuan terbaik, pendekatan modul In-Team yang menekankan aspek amali berbanding ceramah adalah amat berkesan dalam memperbaiki kemahiran komunikasi dalam kalangan peserta.

Hadir merasmikan penutupan In-Team ialah Ketua Penyelidik kepada Naib Canselor UMP, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain. Beliau yang juga Penasihat Kelab In-Smartive turut menyempurnakan penyerahan watikah pelantikan kepada para pengawas, pengawas pusat sumber, ketua kelas dan penolong ketua kelas SK (FELDA) Keratong 1. Turut hadir ialah Penggerusi PIBG, Teh Piah Hashim. Pemangku Guru Besar, Hajah Manis Yazit, Guru Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid), Aizah Yusuf dan Presiden Kelab In-Smartive, Ahmad Zarif Ahmad Fauzi.





UMP anjur Karnival Bola Keranjang Tiga Lawan Tiga IPT

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menganjurkan Karnival Bola Keranjang Tiga Lawan Tiga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada 8 Februari 2015 yang lalu di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Dalam pertandingan ini, pasukan bola keranjang Universiti Teknologi MARA (UiTM) muncul juara Kategori lelaki. Kemenangan diraih selepas pasukan itu berjaya menewaskan pasukan UMP (A) dengan mata 16-14.

Tempat ketiga pula menjadi milik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) (A) apabila menewaskan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) (A) dengan mata 18-8.

Manakala bagi kategori wanita, Kolej Sunway mendapat tempat pertama setelah menewaskan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan jaringan 13-5. Manakala tempat ketiga dan keempat dimenangi oleh UiTM B dan UPSI.

Bagi kategori bawah 18 tahun lelaki pula johan dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa A, tempat kedua hingga keempat pula dimenangi oleh Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad D, Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu B dan Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah B.

Sementara itu, bagi kategori wanita pula tempat pertama dimenangi oleh Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad 1 diikuti Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad

5, Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad 3 dan Sekolah Menengah Sains Pasir Puteh, Kelantan.

Dengan kemenangan tersebut pemenang bagi kategori IPT yang meraih tempat pertama membawa pulang wang tunai RM 1,500, tempat kedua hingga ke empat pula membawa pulang wang tunai sebanyak RM 1,000, RM 700 dan RM 500 berserta piala irungan, medal dan sijil penyertaan.

Bagi hadiah bagi kategori bawah 18 tahun pula, tempat pertama menerima wang tunai RM 500 dan tempat kedua hingga keempat pula sebanyak RM 300, RM 200 dan RM 100 serta piala irungan, medal dan sijil.

Menurut Ketua Pusat Sukan UMP, Mohd Aznorizamin Ismail, penganjuran karnival ini merupakan program yang diadakan setiap tahun dan menjadi acara yang ditunggu-tunggu peminat bola keranjang.

"UMP berasa bangga dapat bersama-sama KPM dalam memupuk aktiviti sihat seperti sukan bola keranjang. Selain itu, penganjuran ini dapat memartabatkan sukan bola keranjang dengan mencari bakat-bakat baharu dalam kalangan pelajar IPT," katanya.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Setiausaha Bahagian Sukan, Sektor Pengajian Tinggi Malaysia KPM, Hazally Jali dan hadir sama wakil bahagian Sukan, KPM Tony Azman Hassan.



UMP pilih peserta bagi Pendakian Merdeka Kinabalu UMP 2015

Berita dan foto oleh: NOR ADZIZI NAJIRUDDIN

Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) mengadakan sesi pemilihan peserta peringkat ketiga yang diadakan di Gunung Brinchang, Cameron Highland, Pahang pada 12 April 2015 baru-baru ini sebagai persiapan bagi projek menjayakan Pendakian Merdeka Kinabalu UMP 2015.

Seramai 38 calon terlibat dalam sesi pemilihan bagi mengenal pasti tahap kekuatan mental, fizikal, kerohanian, dan disiplin para peserta.

Pemilihan diselia oleh Muhamad Illaham Ishak yang merupakan seorang yang berpengalaman dalam aktiviti mendaki gunung termasuk Gunung tertinggi di dunia iaitu Gunung Everest.

Beliau juga adalah jurulatih kepada pelajar UMP, Myrza Fasha Md Hamyrudin yang berjaya menakluk Puncak Everest beberapa tahun lalu.

Kumpulan ini juga diiringi seramai lima orang staf Pusat Sukan yang diketuai oleh Ketua Pusat Sukan, Mohd. Aznorizamin Ismail bersama empat staf dari JHEPA.

Menurut Aznor, peserta dibahagikan kepada lima kumpulan dan setiap kumpulan diselia oleh dua orang staf universiti. Antara aktiviti yang dijalankan

semasa pemilihan tersebut ialah ikhtiar hidup, ketahanan mental dan mendaki Puncak Gunung Irau.

"Calon peserta menunjukkan semangat kerjasama yang erat dan kerjasama sepasukan yang cukup tinggi dan ini juga menyukarkan pihak kami untuk memilih dan menentukan pelajar yang benar-benar layak mewakili UMP untuk menawan Puncak Gunung Kinabalu nanti," katanya.

Beliau berpuas hati dengan aktiviti yang dianjurkan dan semua peserta yang terlibat menunjukkan sifat kepimpinan, keberanian dan kerjasama selain memperkenalkan disiplin yang tinggi dalam setiap aktiviti sepanjang program berlangsung.





UMP iktiraf sumbangan atlet cemerlang

Dua mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohamad Syahir Syahmi Hassan dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Laylatun Qadrina Amrizal dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati UMP pada Majlis Malam Penghargaan Sukan Dan Pemberian Insentif Kecemerlangan Sukan UMP 2014 yang berlangsung di Dewan Astraka UMP Kampus Gambang pada 19 Mac 2015 yang lalu.

Mereka dipilih sebagai penerima anugerah utama atas pencapaian cemerlang dan mengharumkan nama universiti dalam bidang sukan yang diceburi iaitu sukan pentanque.

Bagi Mohamad Syahir, pencapaian yang diraih pasukan pentanque UMP sememangnya amat membanggakan. Pencapaian meraih pingat emas pada Kejohanan Majlis Sukan-sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2014 dan pingat perak dalam Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 selain menjadi penerima pingat gangsa pada Kejohanan Asean University Games 2014 di Palembang Disember yang lepas telah melayakkan beliau memenangi anugerah berkenaan.

Manakala bagi Laylatun yang cemerlang dalam sukan yang sama iaitu petanque melayakkan beliau dinobatkan sebagai atlet wanita yang layak meraih anugerah Olahragawati. Beliau merupakan pemenang pingat emas bagi acara itu dalam MASUM 2014, dan pingat emas di Kejohanan Petanque Masiswa-UNITEN.

Kedua-dua mereka menerima trofi dan sijil penghargaan manakala pasukan yang berjaya memperoleh kemenangan turut menerima trofi, sijil penghargaan dan replika cek.

Dalam pada itu, pasukan Bola Keranjang telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Pasukan Terbaik, Ahmad Suhaimi Abd Rashid meraih anugerah Jurulatih Terbaik manakala Nurfazilah Amin Nordin diiktiraf sebagai Penyelaras Terbaik. Bagi Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Harapan masing-masing disandang Mohamad Syazwan Fauzi dan Nur Amirah Mohd Nasai.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Yuserrie berbangga dengan pencapaian UMP yang berjaya berada di tempat ke-4 daripada keseluruhan 20 Universiti Awam yang mengambil bahagian pada Karnival Sukan MASUM 2014 yang baru sahaja selesai di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) awal bulan ini.

"Penglibatan pelajar dalam sukan berprestasi tinggi melatih pelajar mencapai matlamat universiti melahirkan graduan berketerampilan sekali gus berdaya saing dalam aspek akademik dan kurikulum dan percaya graduan UMP adalah graduan yang terbaik yang UMP dapat hasilkan," katanya.

Tambah beliau, pihak universiti sentiasa menyokong usaha-usaha yang dilakukan pihak pusat sukan dalam membawa perubahan kepada pembangunan sukan dan prasarana sukan ini akan dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan semasa sukan di universiti ini.

Sementara itu, bagi Kejohanan Sukan Antara Jabatan menyaksikan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) mengungguli kejohanan diikuti gabungan jabatan Pusat Kesihatan Pelajar, Pusat Sukan, Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dan Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat.

Turut menang Bahagian Keselamatan, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta dan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA). Hadir sama dalam majlis Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Ketua Pusat Sukan, Mohd. Aznorizamin Ismail.



45 pendaki pengamal media Pahang dan warga UMP tawar puncak Gunung Rajah

Kumpulan pendaki pengamal media Pahang dan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menyahut cabaran dengan menawan puncak Gunung Rajah yang merupakan antara lima gunung ditakrif paling sukar didaki di negara ini pada 27 Februari sehingga 1 Mac 2015 yang lalu.

Puncak Gunung Rajah setinggi 1,648 meter yang terletak di Bentong, Pahang itu turut disertai wakil Pejabat Tengku Mahkota Pahang, Kelab Adventure Media Prima, Pejabat Anggota Parlimen Paya Besar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Penerangan Pahang sambil dibantu Pergerakan Pemuda UMNO Bentong.

Pendakian hampir sembilan jam itu yang melibatkan 45 peserta turut disertai wakil

Pejabat Tengku Mahkota Pahang, Rahim Othman dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), UMP, Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus serta isteri.

Paling membanggakan apabila enam peserta veteran iaitu Presiden Kelab Media Pahang, Nik Naizi Husin, 56, Abdul Rizal Abdul Razak (RTM), 56, Raim (Pejabat Tengku Mahkota Pahang), 54, Bazaar Ahmad (TV3), 54, Rosli (UMP), 52, dan Zakaria Hashim (TV3), 51, turut sama menyahut cabaran ekspedisi sejauh 34.2 kilometer itu.

Ketua Ekspedisi yang juga merupakan koresponden TV3 Wilayah Pantai Timur, Fazli Ahmad berkata, aktiviti tersebut bertujuan membina kerjasama kalangan media dan agensi kerajaan yang menjadi sebahagian daripada pengamal media.

Fazli Ahmad yang mempunyai pengalaman selama tujuh tahun dalam bidang pendakian dan telah menaikluki kira-kira 14 gunung di serata dunia termasuk Gunung Fransipan.

Menurutnya, misi menawan puncak Gunung Rajah itu juga adalah sebagai persiapan peserta Media Pahang untuk Program Mendaki Gunung Kerinci, Indonesia pada Jun 2015.

Peserta ekspedisi bertolak dari kampus UMP Gambang pada pukul empat petang dan tiba pada pukul tujuh malam.

Pendakian hari pertama mengambil masa lapan jam sebelum tiba di *base camp* Batu Hijau dengan pelbagai halangan dan rintangan termasuk mendaki cerun setinggi 80 derjah sejauh 200 meter dengan laluan berbatu yang licin serta anak sungai.

Mereka tiba dengan selamat di Batu Hijau pada pukul empat petang dan disambut dengan deruan buni air terjun dan rimba

unggas.

Kesemua pendaki selamat sampai ke tapak perkhemahan pada pukul lima petang. Peserta seterusnya berehat di khemah yang didirikan sementara menunggu pendakian kedua pada pukul tiga pagi.

Pendakian bermula pada pukul 3.30 pagi dan terpaksa mendaki menggunakan tali dan laluan yang tiada tali, peserta terpaksa berpaud pada akar. Akhirnya, para peserta tiba di puncak pada pukul 7.20 pagi.

Tambah Fazli lagi, selain latihan fizikal dan mental, misi ini berjaya membentuk semangat kerjasama memperkuatkan hubungan erat antara media dan agensi terlibat sekali gus membantu mempromosikan Gunung Rajah sebagai lokasi sukan lasak mendaki gunung yang mempunyai laluan mencabar di negeri Pahang.

Menurut salah seorang peserta yang juga merupakan Pegawai Tadbir di Pejabat Naib Canselor (PNC) UMP, Mohd Jamil Mohd Jaafar, ini adalah pengalaman pertama mendaki sehingga ke puncak yang diliputi awal tebal.

"Jika ada peluang mendaki gunung lagi, saya tidak akan menolak kerana saya suka kepada pengalaman baru lagi mencabar," katanya.

Manakala bagi Pembantu Tadbir (P/O) PNC, Nor Fadzillah Zulkifli, Gunung Rajah adalah pendakian ketiga selepas Gunung Besar Hantu dan Gunung Jasar. Pendakian Gunung Rajah yang paling mencabar.

"Perasaan gembira tidak dapat digambarkan setelah misi ini selesai, di samping dapat menikmati flora dan fauna, kami juga dapat berinteraksi dan berkenalan dengan pasukan media Pahang yang lain," ujar beliau sambil mengukir senyuman.



Perpustakaan UMP anjur NCOAL

Seramai 70 peserta dari Perpustakaan awam dan swasta yang menyertai Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik (NCOAL) 2015 selama dua hari bertempat di Hotel MS Garden, Kuantan pada 17 Mac 2015 yang lalu.

Program yang julung kali diadakan ini merupakan program kerjasama antara Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) yang bertujuan untuk menjadi medan diskusi dan perkongsian pengalaman serta amalan terbaik dalam penjanaan maklumat berkualiti untuk menyokong penarafan universiti.

Program yang bertemakan ‘Ke arah Penarafan Universiti’ dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dato’ Dr. Yusserie Zainuddin dan Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Che Pee dan pengurus NCOAL 2015, Hajah Kamariah Gono.

Menurut Profesor Mashitah, persidangan ini dianjurkan oleh pihak perpustakaan, namun skop perbincangan mencakupi aspek penerbitan penyelidikan, pengurusan ilmu, teknologi, pengurusan data serta rekod dalam penarafan sesebuah universiti.

Persidangan yang dihadiri 17 buah Universiti Awam (UA) dan 15 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ini membuktikan matlamat untuk menaikkan ranking institusi masing-masing yang menjadi keutamaan agar setanding dengan universiti yang berprestij.

Katanya, penarafan bukan sahaja penting bagi mempromosikan sesebuah organisasi tetapi ianya membuktikan kemampuan sesebuah organisasi mentadbir urus dengan cemerlang sehingga diiktiraf.

“Sebagai sebuah organisasi, pengiktirafan oleh badan-badan tertentu merupakan suatu yang amat bermakna dan diibaratkan seperti promosi percuma yang diberikan oleh agensi penarafan. Ianya bukan boleh dicapai dalam sekilip mata, bahkan memerlukan pengurusan

yang efektif, kreatif dan kolaboratif dengan jabatan-jabatan lain,” katanya ketika merasmikan persidangan.

Tambahnya lagi, hanya tinggal tempoh beberapa bulan sahaja lagi dalam tahun 2015 bagi Universiti Awam memastikan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara fasa 2 ‘Jangkauan Global Malaysia Baharu’ dapat dicapai.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui empat inisiatif KPM iaitu Pelan Strategik Pengajaran Tinggi Negara (PSPTN), Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan (MyRA), Sistem Penarafan Institut Pengajaran Tinggi Malaysia (SETARA & D-SETARA) dan Sistem Pengumpulan Data IPTA (MyMOHES).

Teras ke-4 PSPTN adalah untuk memperkasakan IPT yang mana penarafan UA adalah terikat kepada penanda aras atau KPI. Setiap IPT bertanggungjawab melaksanakan aktiviti dan membekalkan data-data bagi tujuan penarafan.

Justeru, persidangan kali ini medan untuk perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan data dan perlaksanaan inisiatif bagi mencapai sasaran dan melangkuai jangkauan pemegang taruh. Malahan, bersaing dalam meningkatkan kualiti merupakan budaya sihat yang mesti dimiliki oleh setiap organisasi. Peluang untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa sering terbuka dan ruang untuk di tambah baik sering wujud.

Sementara itu, Haji Ruslan mengharapkan persidangan ini akan memberi peluang kepada para peserta untuk saling berkongsi pengalaman dan tadbir urus terbaik dalam organisasi. Di samping itu juga diharapkan ianya dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

Ucaptama sesi pertama di sampaikan oleh Pengarah Pusat Kajian Nadir Bumi, Profesor Dato’ Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz dengan mengulas tajuk ‘Penarafan Universiti dan Agenda Nasional: Satu Perspektif’. Manakala pada kedua pula ucaptama akan disampaikan oleh Pengurus Program Sejarah Lisan di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), YM Dato’ Profesor Dr. Haji Raja Abdullah Raja Yaacob.

Pada masa yang sama turut berlangsung pelancaran buku terbitan Penerbit UMP yang bertajuk ‘Isu-isu Berkaitan Akidah dan Syariah dalam Perubatan Tradisional dan Komplementari’ yang tulis oleh Dr. Haji Jahid Haji Sidek dan pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) yang juga Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail.

Buku ini membincangkan secara tunas berkenaan isu-isu yang melingkari Perubatan Islam di negara ini serta hubung kait dengan persoalan akidah dan syariah. Terdapat banyak amalan yang disandarkan atas nama perubatan Islam, namun pada hakikatnya ia bercanggah dengan akidah dan syariat Islam.

Turut diadakan pameran daripada beberapa agensi seperti Electric Library, Yuha Associates Sdn. Bhd. Springer dan lain-lain lagi.



UMP, ECERDC rai pelajar cemerlang dan peserta tamat latihan kemahiran dan keusahawanan program empower ECER Mahkota

Seramai 114 pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang dalam tiga peperiksaan utama tahun lalu iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), PT3 dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta peserta kemahiran dan keusahawanan program empower ECER Mahkota yang berjaya menamatkan program membabitkan 215 peserta dirai dalam Majlis Kecemerlangan Pelajar dan Tamat Latihan Peserta Program Kemahiran dan Keusahawanan Empower ECER Mahkota yang diadakan di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 14 April 2015 yang lalu.

Program Empower ECER Mahkota yang dilaksanakan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) ini melibatkan 16 sekolah luar bandar dalam melonjakkan prestasi akademik para pelajar di sekolah-sekolah yang terpilih sebagai penerima manfaat daripada inisiatif ini.

Antara sekolah terlibat ialah SK Lepar, SK Runchang, SK Serandu, SK Indera Shahbandar, SK Nenasi, SK Peramu Jaya, SK Pekan Jaya, SK Tanjung Batu, SK Nenasi dan SK Sri Maulana. Manakala sekolah menengah yang terlibat adalah SMK Lepar Pekan, SMK Indera Shahbandar, SMK Pekan, SMK Nenasi, SMK Peramu Jaya, dan SMK Dato' Mahmud Mat.

Program ini dikendalikan secara bersama antara ECERDC dan UMP dengan kerjasama pihak UMP Advanced Education (UAE) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) sejak tahun 2011 bagi meningkatkan pembangunan akademik anak-anak serta peningkatan pendapatan bagi golongan belia, ibu tunggal dan individu-individu sekitar daerah Pekan, Kuantan dan Bera terutamanya yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Majlis penyampaian anugerah disampaikan Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri Pahang, Dato' Norol Azali Sulaiman. Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Modal Insan ECERDC, Zulkifli Ya'akob, Pengurus Kanan ECERDC, Mohd. Prasad Hanif, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohamad Rozi Hassan dan Presiden Persatuan Wanita UMP, Profesor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Hadir sama Penasihat Persatuan Wanita UMP, Datin Fazia Ali dan Pengurus Projek ECER UMP, Zainal Bahari.

Dato' Norol Azali berkata, pihak kerajaan negeri amat menghargai peranan ECERDC sebagai penggerak program transformasi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang banyak melaksanakan program dalam meningkatkan tahap akademik dan kualiti penduduk menerusi program pembangunan yang dikendalikan.

"Hasil usaha pelaksanaan program Empower ECER Mahkota ini dibuktikan dengan kejayaan yang dicapai pelajar yang diraikan hari ini," katanya.

Menurutnya, program kerjasama UMP dan ECERDC ini mencerminkan komitmen kolektif dan sinergi pihak universiti, sekolah, ibu bapa, dan pelajar bagi merealisasikan agenda kecemerlangan akademik pelajar luar bandar. Beliau menasihatkan pelajar agar terus mencipta kejayaan pada masa depan dan agar program ini dapat diperluas untuk dimanfaatkan di lain-lain daerah.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata bermula sebagai 'Sinar ECER' sejak tahun 2011, inisiatif ini terus mendapat perhatian istimewa Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah yang mengilhamkan penjenamaan semulanya kepada 'Empower ECER Mahkota' pada tahun 2012.

"Daripada hanya dua sekolah dan 170 pelajar sebagai penerima manfaat pada tahun 2011, inisiatif Empower ECER Mahkota telah berkembang suburi dengan meliputi 16 buah sekolah dan 2,057 pelajar di Daerah Pekan sebagai penerima manfaat bagi tahun 2014," katanya semasa menyampaikan ucapan.

Bermula dengan SK Lepar dan SK Runchang pada tahun kedua pelaksanaan menyaksikan mukim Kuala Pahang turut dilibatkan yang mana terdapat peningkatan peserta program Akademik (449 orang) dan Kemahiran & Keusahawanan (50 orang).

Bagi tahun 2013 pula turut memperlihatkan jumlah peningkatan peserta Kemahiran Akademik (1,781 pelajar) dan peserta Kemahiran & Keusahawanan (50 orang) yang mencecah 1,831 orang, melibatkan kawasan Lepar, Runchang, Kuala

Pahang dan Nenasi. Seterusnya pada tahun 2014, sekali lagi UMP diberi kepercayaan meluaskan program di sekitar daerah Pekan yang mencatatkan penglibatan seramai 2257 orang peserta - Akademik (2057 orang) dan Keusahawanan (200 orang).

Manakala pada tahun ini, Kuantan dan Bera merupakan daerah baru yang turut mengikuti program dan seramai 3309 orang peserta yang terlibat merangkumi 3509 orang pelajar dari 49 buah sekolah dan 250 orang peserta Kursus Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH).

Dato' Dr Daing berkata, sinergi antara UMP, ECERDC dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dalam menggerakkan inisiatif Empower ECER Mahkota di Daerah Pekan ini telah terbukti amat berkesan dari sudut peningkatan aras prestasi akademik, literasi ilmu dan motivasi belajar para peserta yang terlibat.

Beliau menambah, UMP akan terus bekerjasama rapat dengan pihak ECERDC dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang untuk menambahbaik dan meningkatkan lagi keberkesaan aktiviti dan modul yang telah dikenalpasti sesuai untuk para pelajar yang terlibat.

Program akademik yang dijalankan ini termasuklah kelas tambahan, Program Guru Pakar, Program Motivasi Pelajar & Ibu Bapa, Program Sains, Matematik & Teknologi, Program Mencatat Nota Secara Efektif, Program Super Camp, Program Kem Pendidikan. Lain-lain adalah Program Skor A Berita Harian, Empower Add. Math & Physics by Mr. Sunny Yee, Program Selangkah ke Universiti dan Program Study Corner.

Lebih 500 tetamu dalam kalangan pelajar sekolah, peserta kemahiran, guru-guru dan pemimpin masyarakat hadir meriahkan program.

Peserta kemahiran terdiri daripada Kursus Kulinari (Masakan 1Malaysia), Kursus Penyelenggaraan Automotif, Kursus Membaiki Enjin Bot, Kursus Membaiki Telefon Bimbit, Kursus Tatarias Kecantikan, Kursus Penjagaan Selepas Bersalin, Kursus Dandan dan Spa Rambut, Kursus Pendawaian Elektrik, Kursus Jahitan & Rekaan Fesyen, Kursus Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH) dan Kursus Peningkatan & Lanjutan (E&C).



Jom Baca 10 Minit dapat sambutan warga UMP

Berita dan foto oleh: NAZATUL SHIMA BAROJI

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Perpustakaan Awam Pahang (PPAP) melancarkan program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia anjuran Perpustakaan Awam Se-Malaysia yang disambut di seluruh negara pada 23 April 2015 yang lalu.

Program yang bermula jam 10.00 pagi dan berakhir 10 minit kemudiannya itu merupakan sebahagian daripada gerakan membaca yang dijalankan setiap tahun sebagai usaha berterusan membentuk masyarakat ke arah membudayakan tabiat membaca.

Menurut Ketua Pustakawan UMP, Haji Ruslan Che Pee, program ini mengambil inspirasi daripada konsep sambutan Earth Hour, semua peserta tanpa mengira apa jua pekerjaan atau aktiviti yang sedang dilakukan akan sama-sama berhenti sebentar dan membaca selama 10 minit secara serentak.

"Pelaksanaan program ini diharapkan dapat memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sekali gus memartabatkan perpustakaan sebagai

tempat yang perlu dikunjungi walaupun selepas belajar.

Program juga bertujuan menjenamakan inisiatif membaca dengan tujuan menjadikan perpustakaan sebuah organisasi yang relevan dalam pendidikan selepas waktu persekolahan (*school after school*).

Selain itu, program sebegini juga dapat mewujudkan sinergi yang cekap antara perpustakaan awam negeri seluruh Malaysia dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri, jabatan dan agensi lain di peringkat negeri dan nasional dalam merangka proses pembelajaran sepanjang hayat yang holistik.

Bagi Pengarah Program Peringkat UMP, Dzull Zabarrod Ahmad yang juga merupakan Timbalan Ketua Pustakawan, program ini disifatkan sebagai suatu usaha mempertingkatkan kesedaran masyarakat kampus yang terdiri daripada pelajar dan staf terhadap budaya membaca melalui aktiviti membaca bersama-sama secara serentak walaupun hanya selama 10 minit.

Beliau mengharapkan pada masa akan datang program ini akan disertai lebih

ramai staf di jabatan dan fakulti sebagai menyokong usaha kerajaan dalam membantu menggalakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sementara itu, Pegawai Sains Kanan UMP dari Makmal Berpusat, Idayu Mat Ali berkata, program ini merupakan program yang agak ringkas tetapi menarik dan mampu memberi impak kepada staf.

"Melalui program ini, staf boleh meluangkan sedikit masa iaitu selama 10 minit dalam waktu bekerja untuk membaca apa jua bahan bacaan ilmiah yang berada di jabatan".

"Ia dapat menyuntik kesedaran betapa pentingnya membaca dalam kehidupan sehari-hari sebagai satu proses untuk meningkatkan ilmu pengetahuan selain untuk tujuan kerja semata-mata," ujar beliau.

Program ini bukan sahaja mendapat sambutan dalam kalangan staf di kedua-dua kampus Pekan dan Gambang malahan melibatkan pihak luar yang berada dalam kampus universiti.



Prof. Dr. Mashitah dilantik Penolong Pesuruhjaya Kehormat JPAM

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia PAhang (UMP), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya Kehormat (PA) dalam Angkatan Pertahanan Awam pada 7 April 2015 yang lalu.

Pelantikan ini disampaikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Adenan Ab. Rahman yang hadir mewakili Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyampaian Watikah Pegawai Kehormat Pertahanan Awam sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan kali Ke-63 Tahun 2015.

Dengan pelantikan tersebut, beliau kini merupakan Komandan KOR Siswa-siswi Pertahanan Awam (SISPA) UMP yang telah ditubuhkan di universiti ini sejak tahun 2010.

Hadir sama dalam majlis Ketua Pengarah JPAM, Dato' Zaitun Samad dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Profesor Dr. Mashitah ketika ditemui berkata, pelantikan itu akan menjadi pencetus dan peneraju terhadap perkembangan penubuhan KOR SISPA UMP

pada masa akan datang.

"Sehingga kini, terdapat 181 anggota KOR SISPA dan 11 anggota telah dikurniakan pangkat Leftenan Muda pada tahun lalu.

"Kita akan mempertingkatkan lagi penglibatan mahasiswa serta meningkatkan kemahiran dan peranan bagi setiap anggota KOK SISPA," katanya selepas majlis yang diadakan di Dewan De' Seri Endon, Putrajaya.

Tambah beliau, melalui penyertaan mahasiswa dalam badan beruniform ini dapat memberi peluang kepada mereka untuk menabur khidmat bakti untuk negara di samping memupuk nilai jati diri dan cintakan kepada tanah air.

Penglibatan mahasiswa ini juga dapat menyuburkan lagi semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa universiti ini.

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun JPAM, Karnival yang berlangsung sepanjang bulan Mac lalu menyaksikan pelbagai program dianjurkan terutamanya di sekitar Putrajaya.

Antaranya termasuklah Latihan Selam Scuba, Latihan Memadam Kebakaran dan Pengendalian Bot Penyelamat yang disediakan untuk orang ramai setiap hujung minggu.



Dato' Ir. Jamaludin Osman



Profesor Madya Dr. Jaafar Jantan



Profesor Ir. Dr. Hassan Ibrahim

Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

Dato' Ir. Jamaludin Osman, Pengarah Urusan Kumpulan I & P Group Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang baharu untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 1 September 2014 sehingga 31 Ogos 2017. Beliau yang berpengalaman luas dalam bidang Kejuruteraan Awam pernah berkhidmat di Pahang Tenggara Development, Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur, Petroleum Nasional Berhad, Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. dan Island & Peninsular Berhad.

Turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang baharu ialah Profesor Madya Dr. Jaafar Jantan, Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2014 sehingga 30 September 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) (1980-1983), Ijazah Sarjana Sains (Fizik) (1983-1985) dan Ijazah Doktor Falsafah (Fizik) dari Kansas St. University, Manhattan, USA.

Manakala Profesor Ir. Dr. Hassan Ibrahim, Profesor di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP turut dilantik untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 1 November 2014 hingga 31 Oktober 2017 sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang baharu.

Semoga dengan pelantikan ahli-ahli LPU ini akan dapat membantu mempertingkatkan lagi kecemerlangan universiti dalam merealisasikan visi untuk menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim
Pengarah
Pejabat Antarabangsa
15 Januari 2015 hingga 14 Januari 2017



Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak
Pengarah
Pusat Pengurusan & Penyelidikan Sumber Alam
15 April 2015 hingga 14 April 2017



Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang
Pengarah
Penerbit UMP
1 April 2015 hingga 31 Mac 2017



Profesor Dr. Abdurahman Hamid Nour
Timbalan Dekan
(Penyelidikan & Pengajaran Siswazah)
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli
12 Januari 2015 hingga 11 Januari 2017



Profesor Madya Dr. Rizalman Mamat
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
1 Mac 2015 hingga 28 Februari 2017




En. Noram Irwan Ramli
Timbalan Dekan
(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam
7 Februari 2015 hingga 6 Februari 2017



Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab
Dekan
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
10 April 2015 hingga 9 April 2017



Prof. Madya Dr. Mahadzir Ishak@Muhammad
Timbalan Dekan
(Penyelidikan & Pengajaran Siswazah)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
13 Mac 2015 hingga 12 Mac 2017



Judul Buku	: Isu-isu Berkaitan Akidah dan Syariah Dalam Perubatan Tradisional Dan Komplementari
Penulis	: Dr. Haji Jahid Sidek
ISBN	: 978-9670-691-275
Harga	: RM60.00
Muka Surat	: 201
Bahasa	: Bahasa Melayu

Sinopsis:

Buku ini membincangkan secara tuntas berkenaan isu-isu yang melengkari perubatan Islam di negara ini serta hubung kait dengan persoalan akidah dan syariah. Terdapat banyak amalan yang disandarkan atas nama perubatan Islam, bercanggah dengan akidah dan syariat Islam. Masyarakat sangat mudah terpengaruh dan terkeliru dalam memahami kaedah sebenar perubatan Islam.

Oleh yang demikian, buku ini sangat sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat, khususnya masyarakat awam dan pengamal perubatan Islam dalam memahami isu-isu penting yang sering menjadi persoalan dan kekeliruan masyarakat Islam.



Judul Buku	: Sistem Pangkalan Data
Penulis	: Abdullah Embong
ISBN	: 978-967-069-1343
Harga	: RM99.00
Muka Surat	: 430
Bahasa	: Bahasa Melayu

Sinopsis:

Buku ini mengandungi 10 bab dalam sistem pangkalan data dan ditulis khusus untuk panduan pelajar Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian. Setiap bab dalam buku ini disusun dengan sistematik supaya dapat memudahkan pelajar menelaah subjek ini.

Bermula dari bab Konsep Asas Pangkalan Data, Struktur Pangkalan Data dan Seni Bina Tiga Paras, Perancangan dan Reka Bentuk Pangkalan Data, Model Perhubungan Entiti, Model Hubungan, Penormalan, Agenda dan Kalkulus Hubungan, Bahasa Pertanyaan Berstruktur (SQL), Pertanyaan dengan Contoh-contoh (QBE), dan Keselamatan Pangkalan Data.

DAPATKAN SEGERA

Penerbit UMP

Jabatan Penyelidikan & Inovasi

Universiti Malaysia PAHANG

Lebuh Raya Tun Razak

26300 Kuantan


Pahang Darul Makmur

Tel. : +609-549 3320/ 3318/ 2625

Faks : +609-549 3381

e-Mel : penerbitilmiah@ump.edu.my


Laman Web: <http://publisher.ump.edu.my>



Judul Buku	: <i>Social Science Research For Undergraduate</i>
Penulis	: Mohd Ghani Awang
ISBN	: 978-967-0691-206
Harga	: RM30.00
Muka Surat	: 79
Bahasa	: Bahasa Inggeris

Sinopsis:

Penyelidikan adalah proses terpenting dalam memastikan pembangunan modal insan, ekonomi dan sosial di abad ini. Buku ini menerangkan kaedah untuk membangunkan sesuatu penyelidikan di peringkat pelajar Sarjana Muda. Sebanyak lima kaedah dalam penulisan kajian diterangkan di dalam buku ini dan ia amat sesuai untuk dijadikan panduan kepada penyelidik-penyelidik muda.



Judul Buku	: <i>Lean Manufacturing Tools</i>
Penulis	: Alireza Anvari dan Shahryar Sorooshian
ISBN	: 978-967-0691-14-5
Harga	: RM63.00
Muka Surat	: 138
Bahasa	: Bahasa Inggeris

Sinopsis:

Buku ini menerangkan kecekapan dan keberkesan pengurusan sesebuah pengilangan automotif yang menggunakan kaedah *Lean*. Berdasarkan beberapa kajian, amalan ini dilihat lebih efektif berbanding menggunakan kaedah biasa. Buku ini juga merupakan intipati kertas penyelidikan mengenai *Lean*. Amat sesuai dibaca oleh golongan pelajar dan pengilang bagi menjana pengurusan yang lebih efektif dan menjimatkan masa, wang dan tenaga.



Belia perlu **versatil** menceburi bidang keusahawanan



Oleh: Dr. Zuraina Ali,
Pensyarah Kanan, KTP Trans-B
(Modul Keusahawanan)
zuraina@ump.edu.my

Tuntutan kerja dewasa ini banyak memerlukan para belia untuk berdikari walaupun ada dalam kalangan mereka yang telah bergraduat daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Terdapat juga antara mereka yang meminati bidang keusahawanan namun kurang arif akan ilmu yang perlu dituntut untuk mengusasai bidang ini.

Di dalam seminar Keusahawanan Belia anjuran Majlis Belia Negeri (MBN); Timbalan Pengurus Focus Group Pembangunan Belia, Wanita dan Kesejahteraan Rakyat, Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang Muhamad Yusoff Mohd Noor, dalam ucapannya menegaskan bahawa para belia perlu menjalani transformasi minda untuk berjaya dalam bidang keusahawanan. Justeru, amalan sikap positif dan budaya kecemerlangan perlu dipupuk di dalam diri setiap para belia. Walau bagaimanapun, cabaran utama menerokai bidang ini ialah untuk menjadi versatil sebagai seorang usahawan. Huraian seterusnya membincangkan pendekatan yang praktikal untuk menjadi seorang yang berbakat dalam bidang ini.

Salah satu cara untuk menjadi versatil dalam bidang keusahawanan adalah dengan memasarkan diri melalui penyertaan sebagai ahli dalam persatuan profesional. Para belia seharusnya aktif dalam aktiviti yang dijalankan

oleh badan keusahawanan profesional di dalam mahupun di luar negara. Mereka perlu menghadiri jamuan makan tengah hari atau makan malam sekali sebulan anjuran persatuan profesional bagi memupuk *people skills* dengan berkenalan dengan ahli baharu. Langkah ini secara langsung bukan sahaja dapat mendaftarkan diri para belia untuk menjadi ahli dalam badan keusahawanan profesional tetapi mereka juga dapat menambah kenalan yang mempunyai minat yang sama dalam bidang keusahawanan. Jadikan keahlian di dalam badan profesional ini sebagai ruang untuk bertukar pandangan dengan rakan-rakan baharu. Penyertaan mereka juga dapat memberi peluang untuk menyertai bengkel yang diadakan oleh persatuan tersebut.

Melibatkan diri dalam bidang penulisan adalah salah satu cara untuk menjadi seorang usahawan versatil. Idea yang dilahirkan melalui penulisan dapat mencipta peluang untuk mereka lebih dikenali dan seterusnya membuka ruang untuk bergiat dalam bidang keusahawanan. Malahan dengan kerajinan para belia menulis, idea mereka akan dapat dijual di mana-mana. Untuk mendapatkan idea penulisan, pengalaman belia sendiri berkecimpung dalam bidang keusahawanan adalah modal utama. Idea mereka ini

seterusnya boleh dimuatkan di dalam buku, e-book dan rakaman audio. Dengan menulis, para belia sebenarnya dapat merebut peluang kedua jika mereka mampu memberi ceramah atau menjadi fasilitator dengan menengahkan idea yang ditulis oleh mereka. Bahkan, menjadi penceramah merupakan jalan pintas untuk para belia menjadi seorang pakar dalam bidang keusahawanan. Mereka boleh memulakan langkah untuk berkecimpung sebagai penceramah dengan menghubungi pertubuhan keusahawanan ataupun memberi ceramah secara percuma.





Salah satu cara untuk menjadi versatil dalam bidang keusahawanan adalah dengan memasarkan diri melalui penyertaan sebagai ahli dalam persatuan profesional. Para belia seharusnya aktif dalam aktiviti yang dijalankan oleh badan keusahawanan profesional di dalam maupun di luar negara.

Membaca merupakan resepi untuk menambah ilmu dan seterusnya membantu para belia menjadi versatil dalam bidang keusahawanan. Untuk melibatkan diri dalam bidang ini, para belia perlu membaca untuk mendapatkan pengetahuan mengenai bidang yang diminati ini. Malahan membaca adalah asas kepada bidang keusahawanan. Ilmu yang diperoleh daripada pembacaan dapat membuka ruang untuk para belia memulakan perbualan dan secara tidak langsung membina persahabatan dengan kenalan baru. Pembacaan juga dapat mengembangkan minda para belia dan seterusnya membantu mereka untuk membina rangkaian perniagaan. Membaca mengajar para belia mengetahui perbendaharaan kata tertentu atau jargon dalam bidang keusahawanan. Justeru, belilah majalah atau buku yang berkaitan dengan keusahawana atau perniagaan agar idea-idea baharu dapat membantu para belia lebih cemerlang dalam bidang ini. Secara khususnya, buku-buku yang berkisahkan mengenai perniagaan, kepimpinan dan pembangunan peribadi dapat membantu para belia untuk membangunkan skil keusahawanan. Walaubagaimanapun, perkara paling penting untuk diingati adalah mereka perlu bersedia untuk mempraktikkan apa yang telah dibaca.

Teknologi komunikasi yang serba canggih iaitu Internet dapat membantu para belia untuk menjadi usahawan versatil. Malahan mereka juga mampu untuk memulakan bidang keusahawanan maya melalui e-dagang atau perdagangan elektronik. Penggunaan Facebook, Instagram, Twitter, My Space dan seumpamanya dapat membantu mereka untuk berbuat demikian. Media sosial ini dapat dijadikan platform untuk para belia dikenali serta membolehkan usahawan lain dan orang awam mengetahui perniagaan yang ditawarkan oleh mereka. Pandangan, tunjuk ajar serta pengalaman daripada sesama belia dapat membantu diri masing-masing untuk berkembang dalam bidang keusahawanan. Penggunaan Twitter, umpamanya, dapat membantu para belia untuk berjumpa dengan seseorang yang berpotensi untuk dijadikan rakan kongsi. Melalui Facebook, para belia dapat memberikan semangat serta perangsang sesama sendiri dengan menekan Share, Comment dan Like. LinkedIn walaupun digunakan oleh golongan profesional, merupakan salah satu platform yang sesuai untuk membina kenalan di peringkat antarabangsa. Kemudahan yang disediakan oleh media sosial ini dapat memperkenalkan para belia kepada bakal pelanggan mereka.

Bagi para belia yang pro-aktif, mereka boleh menghubungi para individu yang berjaya dalam bidang keusahawanan. Sememangnya banyak ilmu yang dapat dipelajari daripada pengalaman para individu ini. Tidak dapat disangkalkan bahawa usahawan yang berjaya ini adalah orang yang luar biasa dan mereka dapat memberikan idea yang cemerlang dan lain daripada yang lain terutamanya dalam mencipta produk dan memberi perkhidmatan yang mampu mengubah kehidupan manusia. Para belia seharusnya mendapatkan resipi

kejayaan para usahawan yang telah berjaya sebagai panduan untuk mereka berjaya pada satu hari nanti.

Secara khususnya apabila para belia bertemu dengan usahawan yang berjaya, mereka harus mendapatkan rahsia kejayaan mereka dengan mengetahui ciri keperibadian yang dimiliki oleh para usahawan ini. Belajar daripada mereka mengenai bagaimana para belia dapat membina minda yang cemerlang, optimis, bervisi, berinitiatif, serta bersemangat jitu dalam bidang keusahawanan.

Kesimpulannya, pendekatan dalam bidang keusahawanan adalah luas dan para belia perlu berani untuk mencuba kesemua peluang yang berada di sekeliling mereka. Menjadi usahawan memerlukan pengorbanan dan secara praktikal mereka harus mampu untuk menanggung segala risiko dan kemungkinan. Namun kesemua ini dapat diatasi jika para belia mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang ini. Oleh itu, sebelum para belia memulakan langkah dalam bidang ini, mereka perlu memastikan bahawa pulangan yang mereka peroleh satu hari nanti adalah untuk kepuasaan peribadi dan bukannya sesuatu yang dilakukan secara paksaan kerana natijahnya akan hanya membawa kepada kehampaan.





Pembelajaran UMP bukan sekadar di dalam dewan kuliah

Nor Saiful Basri



Menyifatkan pilihan yang bijak telah dibuat untuk melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila ilmu dan pengalaman yang diperolehi ini sangat berguna untuk diperlakukan dalam dunia pekerjaan yang diceburinya pada hari ini.

Menurut Nor Saiful Basri, 25, yang kini menyandang jawatan sebagai Junior Associate Quality Control Analytical di Biocon Sdn. Bhd., ilmu yang dipelajari di UMP khususnya dalam bidang analisis amat membantu dalam melaksanakan tugasannya beliau yang

memerlukan ketelitian dalam membuat analisa dan ujian terhadap sesuatu produk bagi memastikan produk tersebut memenuhi kriteria serta spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat.

"Skop pekerjaan saya lebih berfokuskan kepada bidang kimia walaupun saya merupakan graduan bioteknologi, namun semua tu bukanlah satu halangan kepada saya kerana sepanjang saya bergelar pelajar dalam bidang bioteknologi, saya terlibat secara langsung dalam penyelidikan yang memerlukan saya membuat analisis sesuatu penyelidikan," ujar graduan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Bioteknologi Industri.

Tambahan pula, anak sulung dari empat beradik ni menyifatkan peluang keemasan yang diperolehi ketika menyertai pelancaran Pusat Penyelidikan & Kecemerlangan Biodiversiti-Bioteknologi Negeri Pahang pada tahun 2011 sebagai Ahli Jawatankuasa Pameran merupakan pengalaman yang paling berharga apabila menjadi salah seorang daripada penyelidik dalam penyediaan bahan-bahan pameran untuk dipamerkan kepada pengunjung.

Ternyata ilmu di luar dewan kuliah yang diterapkan oleh UMP ini mampu menghasilkan graduan yang berkompeten dan mandiri dalam apa jua situasi yang dihadapi.

Rentetan daripada sifatnya, beliau lebih memahami akan skop dunia penyelidikan yang memerlukan kemahiran analisis yang tepat dan teliti dalam menjayakan sesuatu projek.

Maka, tidak hairanlah anak kelahiran Melaka ini tidak gentar melakukan kerja di luar bidang pengajiannya tetapi masih mengamalkan kemahiran yang diterapkan sepanjang pengajian di UMP.



Universiti Teknologi Pilihan Utama

Pengurusan
Teknologi

Kejuruteraan
Elektrik
& Elektronik

Kejuruteraan
Pembuatan

Kejuruteraan
Kimia
& Sumber
Asli

Teknologi
Kejuruteraan

Kejuruteraan
Awam
& Sumber
Alam

Kejuruteraan
Mekanikal

Sains
& Teknologi
Industri

Sistem
Komputer
& Kejuruteraan
Perisian



Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2020
Faks : 09 549 3199
e-Mel: pro@ump.edu.my

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>

www.ump.edu.my





Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2020
Faks : 09 549 3199
e-Mel : pro@ump.edu.my

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>